

BAB 1

MUDĀRABAH: PENSYRI'ATAN DAN PEMBINAAN KONTRAK

3

A. Pengertian *Mudārabah*

Mudārabah berasal daripada *al-darb* yang sama ertiinya dengan perkataan *al-safar* yang membawa maksud perjalanan yang jauh, perjalanan untuk tujuan perniagaan dalam usaha mencari rezeki yang halal. Penggunaan istilah “*mudārabah*” bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran

وَالْخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَوَّذُ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

سُورَةُ الْمُزْمَلِ (73 : 20)

Yang bermaksud: *Dan yang lain dari mereka berjalan jauh di muka bumi mencari kelebihan (rezeki) daripada Allah.*

Istilah *mudārabah* ini biasa dipakai oleh penduduk Iraq dan terdapat istilah lain yang membawa maksud yang sama, yang dipakai oleh penduduk Hijaz iaitu istilah *al-qirād*. *al-Qirād* berasal dari perkataan *al-qard* yang membawa erti memotong iaitu pemilik harta memotong sebahagian daripada hartanya dan diserahkan kepada ‘āmil (*mudārib*) untuk diperniagakan dan memotong sebahagian daripada keuntungan untuk diserahkan kepada ‘āmil.¹

¹ Abū Ishāq Ibrāhim ibn ‘Alī ibn Yūsuf al-Fairudhhabādī al-Syīrāzī (1994), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j.1, Beirut: Dar Ehyā’al-Turāth al-‘Arabī, h. 504; Abū al-‘Abbās Syahāb al-Dīn ibn Hajar al-Haytamī (1971), *Fath al-Jawād bi Sayr al-Irsyād*, j. 1, Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h. 570; Muḥammad Syarbīnī al-Khatib,(t.t) *Mughnī al-Muhtaj*, j.2, Dar al-Fikr , h. 309.

Dalam penulisan *fiqh*, mazhab Hanafi memilih menggunakan istilah “*muḍārabah*” sesuai dengan maksud ayat al-Quran dalam surah *al-Muzzammil*, ayat 20 sebagaimana disebutkan di atas.² Selain daripada *fuqahā'* mazhab Hanafi, *fuqahā'* Hanbali juga menggunakan istilah “*muḍārabah*”. Namun dalam mazhab Hanbali jika akad *muḍārabah* dibuat dengan menggunakan perkataan *qirād*, ia tetap dianggap sah kerana kedua-dua perkataan itu membawa maksud yang sama.³ Manakala dalam mazhab Maliki mereka menggunakan perkataan “*qirād*” merujuk kepada makna *muḍārabah*.⁴ Dalam mazhab Syafi'i pula kedua-dua istilah itu dipakai, di mana al-Imām al-Syāfi'i sendiri menggunakan istilah “*al-muḍārabah*” dalam kitabnya, *al-Um*.⁵ Manakala al-Muzani memakai istilah “*al-qirād*”.⁶ Sementara al-Nawawi, seorang tokoh *fiqh* mazhab Syafi'i mengumpulkan kedua-dua istilah, “*muḍārabah*” dan “*qirād*” dengan makna yang sama.⁷

Dari segi pengertian syari'ahnya, *fuqahā'* menggunakan ungkapan yang berbagai-bagai dalam mentakrifkannya. Namun kepelbagaiannya tidak sampai melibatkan perbezaan konsep dan makna *muḍārabah*. Ulamā' al-Syāfi'i mentakrifkan *muḍārabah* dengan ungkapan: tuan punya harta menyerahkan hartanya kepada ‘āmil untuk diperniagakan dan keuntungan perniagaan itu

² Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Sayybānī (t.t.), *Kitāb al-Hujjah 'alā Ahl al-Madīnah*, j. 3., Beirut : 'Ālam al-Kutub, h. 24; Abu Bakr Muḥammad ibn Ahmad ibn Abī Ashal, al-Sarakhsī (t.t.), *al-Mabsūt*, j. 22, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.18.

³ Muwaffaq al-Dīn, Abū Muḥammad Abd Allāh ibn Ahmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah al-Maqdisī (1981), *al-Mughnī*, j. 5, Riyad: Maktabah al-Riyād al-Hadīthah, h.27.

⁴ Sahnūn ibn Sa'īd al-Tanūkhī (t.t.) *al-Mudawwanah al-Kubrā*, j.5, Beirut: Dār al-Ṣādir, h.86.

⁵ Muḥammad ibn Idrīs al-Syāfi'i (t.t.), *al-Um*, j. 7, Dār al-Fikr, h. 113.

⁶ al-Muzani , “Mukhtaṣar”, dalam al-Syāfi'i (t.t.), *al-Um*, Beirut: Dār al-Ma'rifah , h. 121.

⁷ Abū Zakariyā, Mahy al-Dīn ibn Syarīf al-Nawawī (t.t.) , *al-Majmu' Syarīf al-Muhaddhab* j. 9, Dār al-Fikr, h. 358.

dibagi antara mereka berdua⁸. Manakala ulama' Hanafi pula mentakrifkannya dengan ungkapan : akad atas satu perkongsian dalam keuntungan dengan harta di satu pihak dan usaha di satu pihak yang lain⁹. Ibn Qudamah daripada mazhab Hanbali mentakrifkannya dengan ungkapan: seorang lelaki menyerahterahkan hartanya kepada seorang yang lain untuk diperniagakan dengan ketetapan bahawa keuntungan yang didapat daripada perniagaan itu adalah untuk mereka berdua berasaskan syarat-syarat yang mereka persetujui bersama.¹⁰ Dalam mazhab Maliki pula dijelaskan bahawa *mudārabah* ialah penyerahan modal oleh seorang lelaki kepada yang lain untuk diperniagakan di mana lebihannya iaitu keuntungan adalah untuk mereka berdua mengikut kadar yang telah mereka persetujui bersama daripada setengah, satu pertiga atau satu perempat atau mana-mana kadar lain setelah diasangkan modal.¹¹

Dalam penulisan *fiqh* semasa juga terdapat berbagai-bagai ungkapan yang dipakai oleh para sarjana perudangan Islam dalam mentakrifkan *mudārabah*. Antaranya ialah akad perkongsian keuntungan yang diperolehi daripada harta di satu pihak dan kerja di satu pihak yang lain¹²; akad atas satu syarikat dengan harta di satu pihak dan kerja di satu pihak yang lain dengan syarat hendaklah harta itu diperniagakan dan keuntungannya

⁸ al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 309; Syams al-Dīn ibn Muḥammad ibn Abī al-‘Abbās al-Ramī (1967) ,*Nihāyah al-Muhtāj ‘alā Syarh al-Mīnhāj*, j.5, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīh, h.220; Abū al-Husayn Ahmad ibn Fāris ibn Zakariyā al-Rāzī (1983) tah.: Dr. ‘Abd Allāh al-Muhsin al-Turkī, *Hulliyāt al-Fuqahā’* Beirut: al-Syarikah al-Muttaḥidah, h. 147.

⁹ Muhammād Amin ibn ‘Abidīn (1966), *Hasyiyah Rad al-Muhtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār*, j.5, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīh, h. 645.

¹⁰ Ibn Qudāmah (1981) ,*op.cit.*, J.5, h. 26

¹¹ Muhammād ibn Ahmad ibn Juzay al-Kalbī al-Gharnātī (t.t.), *Qawānīn al-Fiqhīyah* , Taba‘ah Jaddiyah al-Munqahah, h. 213.

¹² ‘Alī al-Khaṭīf (t.t.) , *al-Syarikāt fī al-Fiqh al- Islāmī Buhuth Muqāranah*, Jāmi‘ah al-Duwal al-‘Arabiyyah, h. 65.

dibahagikan antara mereka¹³; akad yang mengandungi penyerahan harta tertentu yang diketahui kadar, jenis dan sifatnya daripada harta yang harus diurusniagakan kepada seorang yang berakal, *mumayyiz*, cerdik dan berkepakaran untuk diperniagakan dan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi diperuntukkan kepadanya (pengusaha)¹⁴; akad antara dua orang di mana salah seorang daripada keduanya menyerahkan harta yang tertentu kepada yang lain untuk diperniagakan dan keuntungan dibahagi mengikut persetujuan yang dimeterai antara mereka¹⁵.

Ternyata daripada takrif-takrif *mudārabah* dalam kitab-kitab *fiqh* lama dan semasa bahawa *mudārabah* atau *qirād* adalah suatu bentuk kontrak antara pemilik harta dan pengusaha iaitu orang yang memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang pekerjaan dan pengeluaran di mana pemilik harta menyumbangkan modal dan pengusaha menyumbangkan tenaga kerja dan kepakaran yang ada padanya. Keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan atau perusahaan itu dibahagi di antara mereka pada kadar yang dipersetujui. Jika berlaku kerugian dalam urusniaga berkenaan, maka kerugian itu ditanggung sepenuhnya oleh pemilik modal. Manakala pengusaha menanggung kerugian dari segi tenaga yang dicurahkan yang sia-sia tanpa mendapat sebarang pulangan.

B. Latar Belakang Sejarah Pemakaian Kontrak *Mudārabah*

Sejak manusia menyedari tentang perlunya sifat tolong menolong sesama mereka, manusia telah menggunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang

¹³ Abd al-'Azīz 'Azat al-Khayyāt (1983), *al-Syarikāt fi al-Syārī'ah al-Islāmiyah wa al-Qānūn al-Wad'i*, j.2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h.50.

¹⁴ Rasyad Ḥasan Khafīl (1981) , *al-Syarikāt fi al-Fiqh al-Islāmī* , Riyadh: Dār al-Rasyīd, h. 154.

¹⁵ Afī 'Uthmān al-Faqī (1986) , *Fiqh al-Mu'amalāt Dirāsah Muqāranah*, Riyadh: Dār al-Marīkh, h. 283; Istilah di atas digunakan oleh Dr. Mahmud Ḥasan dalam tulisannya , "al-Muḍārabah wa al-Bunūk al-Islāmiyyah", *Majallah al-Muhammāh al-Kuwaitīyyah*, 1985. Lihat

termasuk dalam bidang pemikiran, budaya, ilmu dan kebendaan. Natijah daripada amalan tolol menolong dalam hal kebendaan lahirlah pelbagai bentuk mu'amalah kechartaan, yang ternyata sangat berfaedah dalam kehidupan dan dapat membantu memenuhi naluri ingin kekal yang ada dalam diri manusia. Ia mendorong kepada meluasnya hubungan manusia dengan setengah manusia yang lain. Dengan itu muncullah perhubungan kebendaan yang membawa kepada persyarikatan antara dua orang atau lebih dalam mendapatkan pemilikan harta; bersyarikat dalam melaksanakan kerja-kerja tertentu dengan harta sama harta, tenaga sama tenaga atau harta dengan tenaga. Dalam melaksanakan kerja sama kebendaan dan saling tolong menolong akan melahirkan apa yang dikatakan sebagai syarikat. Persyarikatan terus subur dan berkembang dari semasa kesemasa selari dengan perkembangan perniagaan, peningkatan tamadun dan kemajuan manusia¹⁶.

Sekitar seribu lapan ratus tahun sebelum kelahiran Nabi 'Isa 'alayh al-salām, telah terdapat satu undang-undang iaitu *Qānūn Hammūrābī*¹⁷ yang mengandungi hukum mengenai syarikat. Dalam *Qānūn* itu dinyatakan bahawa kontrak syarikat ialah kesepakatan antara dua orang atau lebih bagi melaksanakan satu kerja atau beberapa kerja dengan tujuan memperoleh keuntungan. Teks undang-undang itu menunjukkan bahawa syarikat yang dikenali pada masa itu ialah syarikat *muḍārabah* iaitu persepakatan antara

Lāsyin Muhammad Yūnus al-Ghayatī, (1988) , *al-Syarikāt fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqarrin bi al-Qānūn al-Wadī'*, Kuwait:Dār al-Kutub, h.48.

¹⁶ al-Khayyāt (1983) , *op.cit.*, h. 25.

¹⁷ Qānūn Hammūrābī ialah satu kumpulan undang-undang Babylon paling lengkap yang masih ada. Ia digubal dalam zaman pemerintahan Hammūrābī (1792-1750 BC), dinasti pertama Babylon. Undang-undang ini dikumpulkan diakhir pemerintahan Hammūrābī. Ditulis di tiang batu dalam gereja Marduk, di Babylon. Dalam qanun itu terdapat 282 undang-undang kes termasuk undang yang berkaitan dengan ekonomi, meliputi perkara-perkara mengenai tarif, perdagangan dan perniagaan. Lihat The New Encyclopaedia Britanica, Helen Hamingway Benton, 1973-1974, j. 4, h. 878.

pemilik harta dengan seorang yang tidak memiliki harta di mana orang pertama menyerahkan hartanya kepada orang kedua untuk diperniagakan. Setelah perniagaan selesai dan modal dikembalikan kepada tuan punya harta dan mereka berbahagi keuntungan secara sama banyak atau mengikut kadar yang telah dipersetujui¹⁸. Dalam kurun kecambum Masihi, orang-orang Gerik mula menyusun peraturan mengenai perniagaan laut. Dalam peraturan itu seorang nakhoda kapal yang membuat kontrak dengan tuan punya barang bagi melakukan kerja mengangkut barang. Untuknya diberikan sebahagian barang yang dibawanya itu sebagai upah kepada khidmatnya pada kadar yang mencapai hingga 20 peratus. Kemudian peraturan itu berkembang kepada menjadikan mereka berkongsi keuntungan pada kadar tertentu. Pada mulanya ia hanya berlaku pada perniagaan di laut sahaja kemudian berkembang kepada perniagaan darat. Tuan-tuan punya harta menyerahkan harta mereka kepada orang yang akan membawa harta itu dan memperniagakannya tanpa mengemukakan harta tambahan yang lain sebagai upahnya. Kontrak ini hampir menyerupai *mudarabah*¹⁹.

Dari segi sejarah pemakaian kontrak *mudarabah* di kalangan orang Arab sebagai satu kaedah dalam urusniaga mereka, ianya telah diamalkan sejak zaman jahiliah lagi. Istilah *mudarabah* itu sendiri boleh dikaitkan dengan budaya Arab yang gemar berjalan jauh membawa barang dagangan mereka dari satu tempat ke satu tempat yang lain di seluruh pelusuk Tanah Arab terutamanya dari bandar ke bandar, dari selatan ke utara Semenanjung Tanah Arab. Beberapa dekad sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w, iaitu di

¹⁸al-Khayyāt (1983), *op.cit.*

¹⁹ *Ibid.* h.. 28

zaman moyangnya, Hasyim ibn 'Abd Manaf, orang-orang Quraysy telah berulang alik, mengembara membawa barang dagangan sehingga ramai antara mereka yang mati di perantauan²⁰. Anak-anak 'Abd. Manāf iaitu Hāsyīm, Muṭṭalib dan Nawfal mati di tempat-tempat yang jauh dari Mekah. Hāsyīm mati di Ghazzah, Syam.²¹ Muṭṭalib mati di Radman, Yaman dan Nawfal mati di Salman, Iraq²². Hāsyīm ibn 'Abd Manāf telah membuat perjanjian dengan Qaisar, raja Rum yang bertujuan menjamin keselamatan rombongan dagang Quraysy yang membawa barang-barang dagangan ke Syam. Dengan perjanjian tersebut yang dinamakan "*Ilāf*", maka orang-orang Quraysy dapat membawa barang-barang dagangan mereka dengan selamat²². Membawa barang dagangan dengan mengembara jauh dan membawa pulang keuntungan inilah yang menerbitkan istilah "*mudārabah*". Dalam kontrak antara pembekal modal dan peniaga yang membawa barang dagangan ke seluruh pelusuk Tanah Arab, keuntungan perniagaan itu dibahagikan antara mereka, pemodal dan peniaga.

Memang orang Arab khususnya orang Quraysy gemar bermula dengan mengembara membawa barang dagangan. Mereka bukan sahaja membawa barang-barang dagangan kepunyaan sendiri tetapi juga membawa barang-barang dagangan kepunyaan orang lain terutama orang-orang tua yang tak berupaya bermusafir tetapi memiliki harta, perempuan, kanak-kanak dan anak-anak yatim. Pedagang-pedagang membawa harta-harta mereka untuk diperniagakan dengan

²⁰ Sa'īd al-Afghānī (t.t.) , *Aswāq al- 'Arab fī al-Jahiliyyah* , Damsyik: Dār al-Fikr, h.100.

²¹ Sayyid 'Abd al- 'Azīz Sālim (1988) , *Tārikh al- 'Arab fī 'Aṣr al-Jahiliyyah* , Muassasah Syabāb al-Jāmi'ah, h. 362

²² *Ibid.* h. 344.

mengambil sebahagian dari keuntungan untuk diri mereka²³. Untuk menjamin keselamatan diri dan barang dagangan mereka, mereka sering berdagang secara berkumpulan (*qāfiyah*).²⁴

Orang-orang Quraysy yang menetap di Hijaz, pada keseluruhannya kaya-kaya dan mahir dalam selok belok perniagaan. Bukti kekayaan orang-orang Quraysy Mekah di zaman jahiliah ialah bahawa *qāfiyah* perniagaan ke Syam pada hari perang Badr adalah terdiri dari seribu ekor unta yang mengangkut harta yang banyak. Dianggarkan lebih dari 50,000 dinar. Kebanyakan harta itu kepunyaan keluarga Sa'id ibn al-'Āṣ dan barang dagangan orang Quraysy yang lain yang didagangkan secara *muḍārabah* dengan $1/2$ ²⁵. Mereka hampir-hampir tidak tahu melakukan kerja-kerja lain selain dari bermiaga. Mereka mengatur operasi perniagaan secara berkumpulan ke Yaman pada musim sejuk dengan membeli barang buatan India dan Habsyah yang terdapat di pasar Yaman. Barang-barang itu dibawa pulang ke Hijaz. Kemudian dalam musim panas mereka bergerak ke utara iaitu ke Syam dengan membawa barang-barang dangangan yang dibeli di Yaman di samping hasil bumi mereka sendiri seperti tamar dan belulang untuk dijual di pasar-pasar Ghazzah, Busra dan lain-lain. Dari sana mereka membeli barang-barang yang lain yang tidak dikeluarkan oleh India dan Habsyah. Mereka bergerak dalam satu *qāfiyah* yang besar bersama-sama pengawal, segala alat keprluan dan penunjuk jalan²⁶.

Pada zaman itu bukan sahaja golongan lelaki yang terlibat dengan perniagaan, malahan di kalangan mereka terdapat ahli perniagaan dan hartawan

²³ Lihat Ibn Hazm (t.t.), *al-Muḥallā*, j. 8., Dār al-Fikr , h.247.

²⁴ Ahmad Amin (1975) , *Fajr al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 14.

²⁵ Sālim (1988) , *op.cit.*, h. 362

²⁶ Amin (1975), *op.cit.*; al-Afghānī (t.t.), *op.cit.*, h.113

dari kalangan wanita. Seorang daripada mereka yang terkenal dengan kekayaannya ialah sayyidah Khadijah binti Khuwaylid. Beliau sering mengamankan kepada beberapa orang lelaki memperdagangkan harta perniagaan dengan memberi sebahagian daripada keuntungan kepada mereka. Beliau menghantar²⁷ mereka memperniagakan hartanya ke Syam, ‘Ukaz, Habasyah, dan ke pasar-pasar Arab yang lain²⁷ Nabi Muhammad s.a.w sendiri pernah terlibat sama dalam memperniagakan barang dagangan kepunyaan sayyidah Khadijah semasa baginda berumur 25 tahun. Baginda membawa barang dagangan itu ke Syam dan menjualnya di pasar Busra dan membeli dari sana barang lain yang diperlukan dan pulang dengan membawa keuntungan yang lumayan²⁸.

Orang Arab Quraysy memperdagangkan harta perniagaan mereka bukan sahaja untuk mencari nafqah atau keuntungan peribadi, malahan mereka juga menggunakan kaedah *mudarabah* bagi mendapatkan keuntungan yang kemudiannya disumbangkan untuk persiapan peperangan. Selepas kecewa kerana kalah dalam peperangan Badr, Abū Sufyan, seorang bangsawan Quraysy telah meminta pedagang-pedagang Arab membantunya membawa barang dagangan yang diangkut oleh seribu ekor unta dengan muatan barang dagangan yang bernilai lebih lima puluh ribu dinar. Quraysy dan sekutunya sepakat untuk menggunakan keuntungan dari perniagaan untuk membiayai peperangan

²⁷ al-Afghānī, *Ibid*

²⁸ *Ibid*, h.134; Abū Ja‘far Muhammad ibn Ja‘īr al-Ṭabarī (t.t.), *Tārikh al-Ṭabarī*, *Tārikh al-Umam wa al-Mulūk*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 521. Penglibatan Rasul Allah s.a.w. dalam memperniagakan harta modal yang dibekalkan oleh Sayyidah Khadijah secara *mudarabah* ini disangkal oleh al-Bujayrimī. Menurut beliau baginda Rasul Allah hanya mendapat keizinan untuk menguruskan penjualan barang kepunyaan Khadijah sama seperti wakil dengan mendapat pulangan dalam bentuk *jī’ālah* (upah). Pendapat ini disokong oleh al-Syarqawī dengan mengatakan bahawa pengembalaan Rasul Allah membawa barang dagangan kepunyaan Khadijah dengan jalan mengambil upah bukan dengan jalan *mudarabah*. Lihat Sulayman al-Bujayrimī

menentang orang Islam yang dipimpin oleh Rasul Allah s.a.w. sendiri. Hasilnya mereka berjaya mengumpul 50,000 dinar untuk persiapan perang²⁹.

C. Asas Perundangan Dan Kepentingan *Mudārabah*

1. Asas perundangan *mudārabah*

Tidak terdapat dalam al-Quran *nash* yang menyentuh secara langsung tentang *mudārabah*, kecuali ayat-ayat Allah yang menggesa manusia supaya berusaha mencari rezeki, yang dalam istilah al-Quran disebut “فَضْلًا مِنَ اللَّهِ”

atau “مِنْ فَضْلِ اللَّهِ”， dan ayat-ayat yang mengharuskan manusia bergiat dalam perniagaan. *Mudārabah* adalah satu *wasilah* atau cara berusaha bagi memenuhi gesaan Allah supaya mencari rezeki kurniaannya. Ada beberapa ayat al-Quran yang secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan *mudārabah*. Antaranya ayat al-Quran:

وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَقَّنُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

سُورَةُ الْمُزْمِلٍ 20 : (73)

Bermakhsud: *Yang lain dari mereka berjalan jauh di muka bumi mencari kelebihan (rezeki) daripada Allah.*

Ayat tersebut menyentuh tentang perjalanan jauh dan *mudarib* sebagai agen atau wakil dalam memperniagakan harta secara *mudārabah* berjalan jauh ke serata pelusuk bumi untuk mendapatkan kelebihan dari Allah iaitu keuntungan perniagaan. Namun ayat tersebut membawa makna yang umum, meliputi

(1981) *Bujayrimi 'alā al-Khatīb*, j.3, Dār al-Fikr, h. 157 ; 'Abd. Allāh ibn Hījāzī ibn Ibrāhīm al-Syarqāwī (1941), *Hasyiyah al-Syarqāwī 'alā Tuhfat al-Tullāb*, j. 2, Ṭab'ah al-Ḥalabī, h. 102.

²⁹ al-Afghānī (t.t.), *op. cit.*, h. 139

berbagai-bagai aktiviti manusia mencari rezeki dengan jauh termasuk membawa barang perniagaan milik sendiri, bekerja dengan orang lain untuk mendapatkan upah dan sebagainya. Dalam ayat lain pula Allah berfirman:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَتَبَغُّوْ فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

٤

سُورَةُ الْبَقَرَةِ (٢) : ١٩٢

Bermaksud: *Tidak ada dosa ke atas kamu untuk mencari kelebihan dari Tuhan kamu.*

Sedangkan *muḍārabah* juga adalah satu daripada beberapa jenis usaha untuk mencari rezeki dari Allah. Dalam surah *al-Jumu'ah* pula Allah berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

سُورَةُ الْجُمُعَةِ (٦٢) : ١٠

Bermaksud: *Apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang hendaklah kamu bertebaran di muka bumi dan carilah kelebihan dari Allah.*

Ayat ini menyuruh kita berusaha mencari rezeki selepas menunaikan sembahyang. Dalam satu ayat lain, firman Allah yang berkaitan dengan kisah nabi Syu'ib 'alayh al-Salām dan anak perempuannya:

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الْمُرْسَلُونَ إِذَا حَصَدْتُمُ الْأَقْبَابَ

سُورَةُ الْقَصْصِ (٢٨) : ٢٦

Yang bermaksud: *Wahai bapaku umbillah dia (Musa) jadi*

pekerja kerana sebaik-baik pekerja ialah yang kuat dan jujur.

Ayat ini menunjukkan bahawa mengupah orang (*ijārah*) adalah harus.

Mudārabah juga adalah sejenis (dalam kategori) *ijārah*, maka ia juga dianggap

harus.³⁰ *Mudārabah* dianggap sejenis *ijārah* kerana apabila kontrak *mudārabah* rosak, maka hak *mudārib* bertukar daripada berkongsi keuntungan kepada mendapat upah *mithl*.³¹

Pada keseluruhannya semua ayat di atas tidak dapat dianggap sebagai dalil tetang pensyairatan *mudarabah* secara langsung, namun ia boleh dihubungkan secara tidak langsung dengan aktiviti perniagaan secara *mudārabah* terutama ayat al-Quran yang menyentuh tentang perjalanan jauh untuk mencari rezeki, yang pada kebiasaannya ialah berdagang atau berniaga. Perniagaan atau jual beli yang berlaku antara umat Islam mestilah dibuat dengan cara saling reda meredai antara mereka.³² Berniaga secara *mudārabah* adalah satu teknik pengurusan perniagaan yang sama-sama dipersetujui antara pemilik modal dan peniaga(*mudārib*).

Dalam pada itu al-Kāsāni seorang daripada *fuqahā'* Hanafi tetap menganggap ayat-ayat al-Quran tersebut khasnya ayat pertama (*al-Muzzammil* :20), kedua (*al-Baqarah* :198) dan ketiga (*al-Qasas* :26) sebagai dalil kepada

³⁰ al-Ghayāti (1988), *op.cit.*, hlm. 49

³¹ al-Tanūkhī (t.t) , *op.cit.*, h. 111; 'Alā' al-Dīn Abī Bakr ibn Mas'ūd al-Kāsāni (t.t), *Bada'i' al-Sanā'i'* , j.8, Kaherah: Maṭba'ah al-Imām , h. 3654. Upah *mithl* ialah upah yang ditetapkan oleh pakar yang tidak berkepentingan. Lihat Md Akhir Yaacob, (1994) (terj.) *al-Ahkam al'Adliyah, Undang-undang Sivil Islam* , Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, perkara 414; Nazīḥ Hamād (1993) , *Mu'jam al-Mustalahāt al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'* , perkara 414; al-Ma'had al-'Alāmi li al-Fikr al-Islāmi , h. 29. Manakala dalam mazhab Hanbali pula *ujrah* (upah) *mithl* ialah upah sebanding yang diberi pada kadar yang sama dalam satu-satu masa dan tempat. Lihat Ahmad ibn 'Abd Allah al-Qāri (1981) , *Majallah al-Ahkām al-Syar'iyyah 'alā Madhhāb al-Imām Ahmad ibn Hanbal*, tah: Dr. Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān et al, Matbu'ah Tihāmah , h. 206 (per. 252.)

³² Mafhum daripada ayat al-Qurān, al-Nisā', 4, 29.

kcharusan *mudārabah*.³³ Ibn Taymiyah pula berpendapat bahawa sekalipun tidak dijumpai ayat al-Quran yang secara lansung menyentuh tentang *mudārabah*, namun tidak semestinya sesuatu yang tidak ditemui itu tidak ada. Bagi beliau penjelasan *mudārabah* adalah terangkum dalam ayat al-Quran:³⁴

إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

سُورَةُ النِّسَاءِ (4) : 29

Yang bermaksud: *Kecuali dengan perniagaan yang saling setuju menyutujui antara kamu.*

Ini kerana *mudārabah* juga adalah satu kaedah melaksanakan aktiviti perniagaan yang dibuat dengan persetujuan kedua belah pihak yang berkontrak.³⁵ Manakala al-Māwardi³⁵ pula berpendapat bahawa asal pada menghalal dan mengharuskan *mudārabah* ialah pada keumuman firman Allah:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّنْ رَبِّكُمْ

سُورَةُ الْبَقَرَةِ (2) : 198

Yang bermaksud: *Tidak ada dosa keatas kamu untuk mencari Kelebihan (rezeki) dari Tuhan kamu.*

Apa yang jelas daripada maklud ayat-ayat al-Quran di atas ialah kewujudan perintah supaya berusaha mendapatkan rezeki dalam memenuhi

³³ al-Kāṣāñi (t.t), *op.cit.*, h. 3587.

³⁴ Ibn Taymiyah (1992), "Naqd Marātib al-Ijmā'" dalam Ibn Ḥazm, *Marātib al-Ijmā'*, Beirut: Dar al-Āfāq al-Jadidah, h. 106-108.

keperluan hidup seharian, antara caranya ialah melalui perniagaan. *Mudārabah* adalah satu kaedah dalam mengendalikan aktiviti perniagaan. Walaupun semua ayat al-Quran tersebut tidak menyentuh tentang pencarian rezki secara langsung melalui aktiviti perniagaan secara *mudārabah*. Namun berurusan dalam ekonomi secara *mudārabah* adalah satu daripada cara yang boleh dilakukan untuk mempraktikkan kgehendak perintah tersebut. Amalan perniagaan secara *mudārabah* juga telah berlaku secara meluas di zaman Rasul Allah s. 'a. w. dan baginda memperakuinya. Ini kerana kontrak jenis ini membawa kebaikan kepada masyarakat. Dengan berpandukan ayat-ayat al-Quran berkenaan di samping pengakuan daripada Rasul Allah s.'a.w. itu nyatahal bahawa *mudārabah* mempunyai dalil keharusannya secara tersirat dalam al-Quran dan secara langsung dalam hadith *taqrīr* (pengakuan).³⁶

Di samping itu terdapat satu hadith yang dikeluarkan oleh Ibn Majah daripada Suhayb bahawa Rasul Allah s.'a.w bersabda:

٣٦ ثَلَاثٌ فِيهِنَ الْبَرَكَةُ الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ وَالْمُقَارَضَةُ وَإِخْلَاطُ الْبَرِ بِالْسُّعِيرِ لِتَبَيَّنُ لِأَلْبَيِعِ

Bermaksud: *Tiga perkara yang didalamnya terdapat berkat: jualan secara tangguh, muqāradah (*mudārabah*), dan mencampurkan gandum dengan syair untuk kegunaan di rumah bukan untuk jualan.*

Terdapat juga beberapa hadith yang secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan *mudārabah*. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh

³⁵ Lihat Abū al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn ibn Ḥabib al-Māwardī, (t.t.) *al-Hāfi al-Kabīr*, j. 9, tah: Dr. Muhammad Saṭrajī, Dār al-Fikr, h. 102.

³⁶ Ibn Hajar al-'Asqalānī (1993), *al-Matālib al-'Āfiyyah bi Zawāid al-Masānid-al-Thamāniyyah*, j. 1, tah: Ḥabib al-Rahmān al-'Āzamī, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 419.

³⁷ al-Syawkānī (t.t.) ,*Nayl al-Awtār*, j.5, Kaherah: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa Awlādih, h. 301, No. 851; Muhammad ibn Ismā'il al-San'ānī (1989), *Subul al-Salām*, j.3, Beirut: Dār al-Maktabah al-Hāyah, h. 96..

‘Umru ibn Syu’ayb daripada bapa dan datuknya dia berkata Rasul Allah s. ‘a. w. dalam satu khutbahnya, baginda bersabda:

اَلَا مَنْ وَلِيَ بَعْيَدًا مَالًا فَلَيَتَحْرِرْهُ وَلَا يَتَرُكْهُ ثَاءَ كُلَّهُ اَلْرَسُوْفُ³⁸

Bermaksud: *Ingiatlah sesiapa yang menjaga anak yatim yang memiliki*

harta hendaklah dia memperniagakannya. Jangan dibiarkan ia dimakan zakat. Dalam satu hadith lain Rasul Allah bersabda:

ابْتَغُوا فِي مَالِ الْيَتَامَى أَوْ فِي أَمْوَالِ الْيَتَامَى لَا تَنْهَىْبُهُمَا أَوْ لَا تَسْتَهِنْكُمَا الصَّدَقَةُ³⁹

Bermaksud: *Carilah kelebihan (perniagakanlah) dalam harta anak yatim*

atau harta anak-anak yatim supaya ia tidak hilng atau dibinasakan oleh şadaqah (zakat)”.

Bertindak memperniagakan harta anak yatim bererti melakukan aktiviti perniagaan secara *mudārabah* di mana anak yatim berkenaan sebagai pemilik modal. Manakal peniaganya adalah *muđarib*.‘Abbās ibn Abd al-Muṭṭalib pernah terlibat dalam *mudārabah* dengan beberapa syarat dan apabila Rasul Allah s. ‘a.w mengetahuinya baginda menyetujuinya⁴⁰. Sahabat-sahabat Rasul Allah s. ‘a.w juga ramai yang terlibat dengan mu’amalah secara *mudārabah*. Antara mereka Saydina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb di mana beliau membuat kontrak *mudārabah* bagi pihak Baitulmal. Beliau juga pernah mengeluarkan simpanan

³⁸ al-Imām Ibn ‘Arabī al-Mālikī (1931), *Saḥīḥ al-Tirmidhī*, j. 5, Kaherah: al-Matba’ah al-Miṣriyyah bi al-Azhar, h. 136. Dalam *al-Muwatṭa’*, al-Imām Malik ada menyebutkan bahawa ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb berkata “ perniagakanlah harta anak yatim supaya tidak dimakan zakāt”. Lihat al-Imām Mālik (t.t.) ,*al-Muwatṭa’*, Riwayat Jamal al-Dīn Abd Rahman al-Suyūtī, Dār al-Afāq al-Jadidah, h.202;

³⁹ al-Šan’ānī (1983), *op.cit.*, h..67; al-Bayhaqī, *op. cit.*, j. 4, h. 107.

⁴⁰ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, h. 18.

anak yatim atas dasar *mudārabah* bagi tujuan perniagaan supaya simpanan menjadi bertambah⁴¹.

Demikian juga dengan ‘Uthmān ibn ‘Affān, ‘Alī, Abd Allāh ibn Mas‘ūd, ‘Abd Allāh dan ‘Ubayd Allāh ibn ‘Umar serta ‘Aisyah juga terlibat dengan memberikan harta anak yatim untuk diperniagakan secara *mudārabah*. Tiada siapa yang menafikan tentang sahnya tindakan mereka.⁴² Tindakan mereka memperniagakan harta anak yatim secara *mudārabah* adalah untuk mengelakkan harta itu daripada terjejas kerana zakat⁴³ Selain daripada itu Saydina ‘Umar al-Khatib juga pernah menyutujui pemintaan dua orang anaknya, ‘Abd Allah dan ‘Ubayd Allah supaya harta Baitulmal yang diserahkan kepada mereka oleh Abu Musa al-Asy’ari, Gabenor Iraq yang telah mereka perniagakan supaya ianya dianggap sebagai perniagaan *mudārabah*.⁴⁴ Daripada amalan yang dilakukan oleh para sahabat Rasul Allah, jelas menunjukkan bahawa mereka sepakat atas kesyariatan *mudārabah* dan keharusan mengamalkannya. Tidak ada riwayat yang menunjukkan adanya sahabat Rasul Allah s.a.w. yang mengingkarinya. Ibn Taymiyah mengqiyaskan *mudārabah* ke atas *musāqāt* dan *muzāra‘ah* kerana kesabitan kedua-dua kaedah itu dengan *nass*.⁴⁵ Oleh yang demikian nyatalah bahawa telah wujud pegangan secara *ijmā‘* sejak zaman Rasul Allah s.a.w. hingga ke hari ini tentang kesyariatan *mudārabah*.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, h. 3588.

⁴³ Muhammad al-Zurqānī (1979), *Syarḥ Muwaṭṭa’ Imām Mālik*, j.3, Maktabah al-Kulliyyat al-Azharīyyah, h. 156.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 155-156; al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, h. 18; al-Kāṣānī, *op.cit.*, h. 3588.

2. Kepentingan *Mudārabah*

Kepentingan *mudārabah* untuk kebajikan manusia memang suatu yang tidak dapat disangkal. Ini kerana apa yang kerap berlaku ialah ada orang yang memiliki modal tetapi tidak dapat melibatkan diri dalam perniagaan atau sebaliknya ada juga⁴⁵ yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan tetapi tidak mempunyai modal. Melalui *mudārabah* kedua belah pihak boleh mencapai tujuan masing-masing dengan saling bekerjasama⁴⁶. Pemilik harta melaburkan hartanya dan memperolehi keuntungan dengan menggunakan kepakaran *mudārib*, sementara *mudārib* memperoleh pekerjaan dan ganjaran daripada keuntungan yang diperolehi melalui usaha yang dilakukan olehnya. Dengan demikian terlaksana suatu konsep tolong menolong antara pemilik harta dan *mudārib* dan membolehkan harta beredar ke tangan orang yang memerlukannya.⁴⁷ Kemungkinan juga satu pihak yang mempunyai modal bukan kerana tidak berupaya menggunakan modal, tetapi merasakan bahawa lebih baik memilih peniaga atau pengusaha yang lebih berkemahiran, berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam sesuatu jenis perniagaan, maka ia merasakan adalah lebih sesuai mengajak orang kedua ini memasuki kontarak *mudārabah* dengannya. Ini membuka jalan bagi mereka menggembeling sumber modal dan kepakaran untuk faedah bersama dengan lebih cekap.⁴⁸

⁴⁵ Ibn Taymiyyah (t.t.), *Majmū' Fatawā*, j. 26 t.pt, h.101

⁴⁶ Mansūr ibn Yūnus ibn Idris al-Bahūtī (t.t.), *Khassiyāf al-Qinā'* j.3, Dār al-Fikr, h. 508.

⁴⁷ Amīrah 'Abd. al-Latīf Masyhūr (t.t.) , *al-Istithmār fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Maktabah Madbūlī, h. 296; Muhammad al-Ṣadiq 'Afīfi (1980), *al-Mujtama' al-Islāmī wa Falsafatuh al-Mafīyyah wa al-Iqtisādīyyah*, j.2, Mawsū'ah al-Hadārah wa al-Nuzm al-Islāmīyyah, h. 337.

⁴⁸ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1985) , *Partnership and Profit Sharing in Islamic Law*, London: The Islamic Foundation, h. 6.

Sistem pembekalan modal secara *mudārabah* ini juga bolch memberi ketenangan hati dan kedamaian jiwa terutamanya bagi orang-orang yang memerlukan sangat kepada modal untuk melakukan aktiviti perniagaan. Ini kerana apa yang sangat diharapkan oleh seseorang itu dalam kehidupannya ialah kesediaan orang lain membantu memenuhi keperluannya⁴⁹. Dengan kharusan bermudārabah dapat mengatasi masalah kemiskinan dan dapat mengeratkan hubungan kasih sayang sesama manusia. Ini kerana orang yang tidak berharta bolch mendapatkan pertolongan daripada yang berharta dengan memproleh modal perniagaan daripada mereka. Manakala yang kaya pula mendapat pertolongan tenaga kerja bagi memperniagakan harta mereka. Bagi yang berharta mereka juga bolch memperolehi ganjaran yang besar daripada Allah. Kerana dengan pertolongan modal daripada mereka membolehkan pekerja yang faqir dan miskin melepaskan diri dari cengkaman kefaqiran dan kemiskinan sehingga berupaya menjalani kehidupan yang mulia dan selesa serta tidak menjadi bebanan kepada masyarakat.⁵⁰

Selain daripada itu si miskin dan faqir yang berpegang kepada kejujuran dengan melatakan sifat amanah sebagai *syi'ar* dan sentiasa menegakkan bebenaran menjadikan ia disenangi oleh pihak pemilik modal yang memungkinkan dia memperolehi bekalan modal dengan mudah dan dalam masa yang singkat bolch melepassi garis kemiskinan. Bagi *mudārib* yang kaya pula, bermudārabah membolehkan mereka bertukar-tukar manfaat di samping menyuburkan harta dan menambah kekayaan mereka.⁵¹

⁴⁹ Lihat al-Syaikh Ahmad al-Jurjāwī (t.t), *Hikmah al-Tyārī' wa Falsafatuh*, j.2, Dār al-Fikr, h. 185-186.

⁵⁰ *Ibid*, 182

Menyeraikan modal *muḍārabah* bererti memberikan kepada *muḍārib* kesempatan untuk bekerja dan memperoleh pendapatan melalui agihan keuntungan yang dipercolohi dari perniagaan tersebut; membantu menyediakan prasarana dalam masyarakat bagi mengatasi masalah pengangguran dengan menghasilkan peluang pekerjaan yang dapat membantu anggota masyarakat memperolehi pendapatan bagi menyara kehidupan. Kontrak *muḍārabah* bererti satu persetujuan saling membantu antara pemilik modal dan peniaga dengan menggunakan sumber yang ada pada mereka iaitu wang di satu pihak, kepakaran dan kerja di satu pihak yang lain. *Mudārabah* juga merupakan satu instrumen yang boleh membantu mengatasi masalah pembekuan harta dan membolehkanya masuk ke dalam pasaran modal di mana tuan punya harta dapat membawa hartanya turut terlibat sama dalam aktiviti ekonomi masyarakat. Pembekuan harta dengan menahannya dari terlibat dalam aktiviti perekonomian adalah suatu yang dilarang dalam Islam⁵¹.

Oleh yang demikian *muḍārabah* dapat mengatasi masalah ini, kerana ia dapat mengeluarkan harta dari pembekuannya dengan memberi faedah bukan sahaja kepada kedua belah pihak yang berkontrak tetapi juga kepada masyarakat seluruhnya. Melalui kontrak perniagaan secara *muḍārabah* membolehkan masyarakat memperoleh barang keperluan mereka yang tidak dikeluarkan oleh pengeluar tempatan di samping dapat memasarkan barang keluaran mereka ke tempat-tempat lain. Ini telahpun berlaku sejak zaman jahiliyah lagi di mana penduduk utara dan selatan Tanah Arab dapat saling menggunakan barang

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Lihat al-Qurān , al-Tawbah,(9) : 34.

keluaran antara mereka di samping dapat menggunakan barang keperluan yang dikeluarkan oleh bangsa-bangsa lain seperti India dan Habsyah.⁵³

D. Pembinaan Kontrak *Mudārabah*

Setiap persoalan *fiqh* yang berhubung dengan akad *mudārabah*, baik dari segi syarat (syarat *Jā'ib*),⁵⁴ rukun dan hukum yang berkaitan dengannya serta bidang kegiatannya adalah diasaskan kepada pendapat *fuqahā'* dengan ijтиhad mereka atau diambil daripada amalan praktik ('urf) dalam batasan yang *mu'tabarah* dan kaedah asas Islam. Golongan *fuqahā'* *Sunnī* daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali membahagikan rukun *mudārabah* kepada lima perkara iaitu dua orang yang berakad iaitu pemilik modal dan *mudarib* atau '*āmil*', harta, kerja, *sighah* (pernyataan tawaran dan penerimaan) dan keuntungan⁵⁵. Golongan *fuqahā'* yang menggariskan rukun-rukun *muḍārabah* sedemikian bukan dari kalangan *fuqahā'* jenerasi awal mazhab-mazhab berkenaan, tetapi mereka adalah dari kalangan *fuqahā'* jenerasi terkemudian yang hidup dalam kurun keenam dan ketujuh iaitu di zaman kecemerlangan *fiqh*. Dalam penulisan *fiqh* oleh para *fuqahā'* yang lebiih awal seperti al-Imam Malik, al-Syafi'i dan al-Muzani tidak menyentuh persoalan mengenai rukun *muḍārabah* ini.⁵⁶

Manakala dalam mazhab Hanafi, *fuqahā'*nya berpendapat bahawa rukun asas *muḍārabah* ialah *ijab* dan *qabūl* iaitu penawaran dan penerimaan yang menunjukkan secara jelas kepada pembentukan kontrak. Pernyataan kontrak

⁵³ Supra, h. 9-10

⁵⁴ Infra, h. 26.

⁵⁵ Abū Zakariyā Yahyā ibn Syarf al-Nawawī (1985), *Rawḍah al-Tālibīn*, j.5, al-Maktab al-Islāmī, h. 117-124; al-Khatib (t.t.), *op.cit*, j. 2, h. 312; Syams al-Dīn al-Saykh Muhamad 'Arfah al-Dusūqi (t.t.), *Hasyiyah al-Dusūqi fi Syarh al-Kabir*, j.3, Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.521; Ibrāhīm Qudāmah (1981), *op.cit*, h. 29, 73.

⁵⁶ Lihat al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit*, h. 85- 131; al-Imām Mālik (t.t.), *op.cit*, h. 595-608; al-Syafi'i (t.t.), *op.cit*, h. 113-114; al-Muzānī (t.t.), *op.cit*, h. 121-123.

mudārabah ini bolch dilakukan dengan menggunakan perkataan *mudārabah*, *muqāradah* dan *mu'āmalah*. Perkataan *mu'āmalah* membawa makna jual beli. Bolch juga dengan menggunakan apa-apa perkataan lain yang membawa makna yang dimaksudkan. Ini kerana apa yang diambil kira dalam kontrak ialah maknanya, bukan pada lafaznya⁵⁷. Contoh pernyataan kontrak *mudārabah* seperti pemilik modal berkata kepada *mudārib* “ambil wang seribu ringgit ini, beli dan jual, 1/2 daripada keuntungannya adalah untuk kamu”. Dengan pernyataan itu berlakulah penawaran. Apabila *mudārib* membuat persetujuan dengan mengatakan “ saya bersetuju” atau “saya terima”, maka berlakulah penerimaan dan dengan itu terbentuk kontarak *mudārabah* antara mereka.

Punca perselisihan pendapat antara *fuqahā'* mengenai penentuan rukun *mudārabah* adalah disebabkan oleh wujudnya perbezaan pendapat antara mereka berkaitan dengan sama ada yang dianggap rukun itu rukun asli sahaja atau merangkumi rukun yang bukan rukun asli. Yang dimaksudkan dengan rukun asli ialah apa yang termasuk dalam hakikat sesuatu. Manakala rukun yang bukan asli ialah sesuatu yang ada dan membolehkan sesuatu yang lain wujud di atasnya, tetapi ia bukan sebahagian daripadanya. Dengan ini *fuqahā'* Hanafi beranggapan bahawa rukun asasi dalam *mudārabah* ialah *ijāb* dan *qabūl*⁵⁸, dan rukun-rukun yang lain tidak diterima sebagai rukun kerana ia bukan merupakan hakikat sesuatu. Manakala majoriti *fuqahā'* iaitu daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali tidak mengasingkan antara rukun asli dan rukun yang bukan asli kerana *mudārabah* tidak akan terlaksana melainkan dengan wujudnya semua

⁵⁷ 'Alā' al-Dīn al-Samarqandī (1993), *Tuhfat al-Fuqahā'*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 19; al-Kāsānī, (t.t) *op.cit.*, j. 8, h. 3589; 'Abd. 'Azīm Syarif al-Dīn (1974) , 'Aqd al-*Mudārabah Bayna al-Syari'ah wa al-Qānūn*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azharīyyah, h. 14.

rukun itu⁵⁹. Berhubung dengan pembinaan kontrak *muđārabah*, berikut diperincikan satu persatu mengenai rukun-rukun *muđārabah* mengikut pandangan para *fuqahā'* mazhab *Sunnī* selain daripada mazhab Hanafi dan seterusnyauraian mengenai syarat-syarat yang berkaitan dengan rukun-rukun berkenaan.

3

1 . Rukun *muđārabah*

Perincian rukun-rukun *muđārabah* mengikut pendapat para *fuqahā'* *Sunnī* iaitu daripada mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanbali yang menetapkan bahawa terdapat lima rukun sebagaimana berikut:

- i. *al-'Āqidat*: yang bererti dua pihak yang berkontrak iaitu pemilik modal atau wakilnya dan *muđārib*. *Fuqahā'* mazhab *Sunnī* sepakat bahawa pemodal boleh terdiri daripada seorang pemilik atau lebih daripada seorang. Demikian juga dengan *mudarib*.⁶⁰ Kontrak *muđārabah* juga berlaku dalam bentuk harta modal yang dimiliki oleh beberapa orang pemilik dan diurusniagakan oleh beberapa orang *muđārib* dengan keuntungannya dibahagikan antara mereka mengikut persetujuan yang dibuat dalam kontrak. Kontrak *muđārabah* juga boleh dibuat bersama dengan syarikat '*inān*'.⁶¹ Misalnya, jika modal *muđārabah* yang dimiliki oleh beberapa orang ahli syarikat diserahkan kepada salah seorang

⁵⁸ al-Kāsāni, (t.t.) *op.cit.*, h. 3588; Iz al-Dīn Muhammad Khūjah (1993), *Nażarīyyah al-'Aqd fi al-Fiqh al-Islāmī*, Jeddah:Majmū'ah Dallah al-Barakah, h. 23.

⁵⁹ al-Ghayāti (1988) , *op.cit.*, h. 56.

⁶⁰ al-Tanūkhī (t.t), *op. cit.*,j.5, h. 90-91; al-Sarakhsī (t.t.) ,*op.cit.*j. 22, h.32; al-Māwardī, *op.cit.*, j. 9, h. 158; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*j.5, h. 32-35.

⁶¹ Perkataan '*inān*' di ambil daripada kalimah '*anna*' yang membawa erti debentangkan. Dinamakan syarikat '*inān*' kerana setiap rakan kongsi membentangkan kepada rakannya supaya berkongsi bersamanya. Dari segi istilah *fiqh* syarikat '*inān*' ialah dua orang berkongsi pada satu harta kepunyaan mereka berdua untuk berniaga dengan harta itu dan keuntungan dibahagi antara keduanya. Syarikat ini harus menurut *ijmā'* ulama'. Lihat Abu Bakr Muhammad ibn Ibrāhīm ibn al-Mundhir al-Naysābūri (1986), *al-ijmā'*, Beirut: Dār al-Jinān , h. 108; al-Nawawī (1988), *Tahrīr al-Faz al-Tanbih aw Lughah al-Fiqh*, Damysik: Dār al-Qalam, h. 205.

dari padanya untuk diperniagakan. Dalam hal ini bererti bahawa harta modal milik ahli-ahli syarikat yang tidak terlibat dengan kerja mengurusniagakan harta itu diserahkan secara *mudārabah* kepada *muqārib*, yang juga merupakan salah seorang ahli dalam syarikat tersebut.⁶²

- ii. Kerja: iaitu kerja-kerja yang dilakukan oleh *muqārib* dengan mengurusniagakan harta *mudārabah* dengan cara membeli dan menjual dan kerja-kerja lain yang berkaitan yang dilakukan dengan tujuan mencari keuntungan.
- iii. Modal : modal ialah harta (wang) yang diserahkan oleh pemiliknya kepada *muqārib* untuk diperniagakan. Ianya adalah sumber pekerjaan *muqārib* dalam perniagaan *mudārabah*. Jika modal itu hilang atau binasa kesemuanya, maka dengan sendirinya kontrak *mudārabah* menjadi tamat.⁶³
- iv. Untung: Keuntungan adalah tambahan kepada harta modal yang diperolehi melalui perniagaan atau perusahaan yang dilakukan oleh *muqārib*. Ia wujud dalam bentuk perkongsian antara pemilik modal dan *muqārib* dengan bahagian masing-masing yang telah diketahui kadar peratusannya mengikut ketetapan yang dipersetujui semasa kontrak *mudārabah* dibuat. Hak ke atas keuntungan boleh dituntut oleh pihak-pihak yang menyumbangkan modal, tenaga atau *damān*.⁶⁴

⁶² al-Khatīb, (t.t.) *op.cit.*, j. 2, h. 315; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 523 ; Ibn Qudāmah, (1981) , *op.cit.*, h. 121.

⁶³ al-Nawawi (1985) , *op.cit.*, j.5, h. 140 ; al-Bahūtī, (t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h. 518.

⁶⁴ Kaedah di mana keuntungan boleh diperolehi dengan sumbangan modal, kerja dan tanggungan *damān* ini adalah diperakui oleh *fuqahā'* Hanafi dan Hanbali tetapi tidak diterima oleh *fuqahā'* Maliki dan Syafi'i, di mana *fuqahā'* kedua-dua mazhab ini tidak memperakui *damān* sebagai sebab mendapat hak menuntut keuntungan. *Mudārib* dalam kontrak *mudārabah* berhak mendapat untung kerana sumbangan tenaganya. Manakala pemilik modal kerana sumbangan

v. *Sighah* : iaitu pernyataan tawaran dan penerimaan dengan menggunakan perkataan yang menunjukkan kepada makna *mudārabah* secara yang jelas atau cara-cara lain yang dapat difahami membawa makna *mudārabah*. Al-Nawawi dan al-Kasānī menghendaki supaya tawaran dan penerimaan yang memberi tuk asas kontrak *mudārabah* secara bersambungan,⁶⁵ yang membawa erti bahawa kontrak berkenaan mesti dibuat dalam satu majlis. Sementara sebahagian daripada *fugahā'* Syafi'i tidak mengenakan syarat demikian, *qiyās* kepada *wakalah* dan *ji'ālah*, di mana dalam kedua-dua jenis kontrak ini tidak memerlukan kepada suatu majlis khas dalam pembentukannya.⁶⁶

2. Syarat *mudārabah*

Syarat bermaksud sesuatu yang apabila ia tidak wujud, maka tidak wujudlah hukum, tetapi tidak pula memestikan dengan adanya syarat adanya hukum atau tiada hukum.⁶⁷ Contohnya bersuci syarat untuk melakukan *salāh*, bererti kebenaran melakukan *salāh* tertakluk kepada adanya keadaan yang suci pada seseorang, tidak bersuci bererti tidak boleh ber*salāh*, tetapi dengan adanya syarat bersuci tidak pula memestikan berlakunya *salāh* kerana kalau seseorang itu berwudu' sebelum waktu *salāh*, dia sudah memenuhi syarat untuk

modalnya. Dalam pandangan *fugahā'* Hanafi dan Hanbali bahawa rakan kongsi yang berpengaruh (*wajib*), yang diberi kepercayaan membeli secara berhutang berhak mendapat untung kerana *dāmān* yang ditanggung olehnya dalam syarikat *al-wujūh*. Oleh yang demikian jika seorang *mudārib* diberi keizinan oleh pemilik modal berhutang untuk menambah modal, maka dalam perkara ini *mudārib* menjadi rakan kongsi dalam syarikat *al-wujūh* yang terbentuk antaranya dengan pemilik modal dalam harta modal yang diperolehnya melalui hutang itu. Dia berhak mendapat sebahagian daripada keuntungan berdasarkan kadar *dāmān* yang ditanggung olehnya. Lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j.22, h. 151; Ibn Qudāmah, (1981), *op.cit.*, h. 12; al-Dusūqī (t.t.), *op. cit.*, h. 318; al-Ramli (1967) ,*op.cit.*, j. 5, h. 2; Rafiq Yunus al-Miṣrī (1993) , *Usūl al-Iqtisād al-Islāmī*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 220-221.

⁶⁵ al-Nawawi (1985), *op.cit.*, j. 5, h.124; al-Kasānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3588.

⁶⁶ al-Ramli (1967), *op.cit.*, h.228.

⁶⁷Sayf al-Din Abī al-Ḥasan 'Alī ibn Abī 'Alī ibn Muḥammad al-Āmidī (1980), *al-Aḥkām fī Usūl al-Aḥkām*,j.2, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, h 453. Wahbah al-Zuhaylī, (1986) , *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, Dār al-Fikr, h. 99.

sulāh tetapi dengan memenuhi syarat tersebut tidak pula memestikan ia ber*sulāh* atau tidak ber*sulāh*. Syarat terbahagi kepada dua bahagian iaitu syarat *syar'i* dan syarat *ja'i*.⁶⁸

- i. Syarat *syar'i* ialah syarat yang ditentukan oleh hukum syari'ah seperti syarat yang ditetapkan untuk berkontrak dan mengurus harta dan syarat yang ditentukan untuk beribadat dan pelaksanaan *hudūd*.
- ii. Syarat *ja'i* ialah syarat yang dibuat oleh manusia yang *mukallaf* seperti syarat seorang suami untuk menjatuhkan talak kepada isterinya. Dalam konteks *mudārabah*, syarat *ja'i* ini boleh berlaku dalam kontrak *mudārabah muqayyadah* seperti pemilik modal mensyaratkan kepada *mudārib* supaya bermiaga barang tertentu, di tempat tertentu atau dalam tempoh masa tertentu sahaja. Syarat *ja'i* ini mestilah sesuai atau seiring dengan kehendak hukum syari'ah. Tidak boleh mengenakan syarat dengan perkara yang bertentangan dengan kehendak syari'ah. Jika berlaku demikian, maka syarat itu menjadi sia-sia dan membatalkan kontrak.

Syarat *ja'i* pula terbahagi kepada tiga bahagian:

- i. Syarat *mu'allaq* iaitu syarat yang dibuat oleh seseorang dengan cara menggantungkan (*ta'iq*) urusan kira bicara dengan mengaitkan kepada berlakunya sesuatu perkara tertentu. Contohnya seperti seorang itu menggantungkan pelaksanaan sesuatu urusannya (*tasarruf*) dengan menggunakan perkataan “jika, bila dan apabila”.
- ii. Syarat *muqayyad*: apa-apa syarat yang dikenakan oleh salah satu pihak yang berkotarakan kepada pihak yang kedua di mana pihak yang

⁶⁸al-Zuhayli, *Ibid*. h.100-102.

dikenakan syarat itu terikat dengan syarat tersebut. Contohnya seorang penjual rumah mensyaratkan kepada pembeli supaya dia diberi hak mendiami rumah itu selama setahun.

- iii. Syarat *iqdāfah*: iaitu syarat bagi menta'khirkan pelaksanaan kontrak pada masa hadapan seperti syarat pemilik modal kepada *mudārib* supaya pelaksanaan kerja yang diperstujui dalam kontrak *mudārabah* bermula pada awal tahun hadapan.

Dalam mazhab Hanbali syarat-syarat dalam kontrak *mudārabah* dipecahkan kepada dua bahagian iaitu syarat yang sah dan syarat yang *fāsid*.⁶⁹ Syarat yang sah ialah syarat-syarat yang tertentu yang tidak menghalang daripada memperoleh keuntungan secara menyeluruh. Contohnya seperti pemilik modal mengenakan syarat kepada *mudārib* supaya jangan mengembara dengan harta *mudārabah*; dia mensyaratkan supaya harta *mudārabah* itu dibawa mengembara; jangan diperniagakan kecuali di negeri tertentu; hanya berniaga barang tertentu sahaja atau tidak boleh membeli kecuali daripada orang tertentu.⁷⁰

Manakala syarat *fāsid* iaitu syarat yang boleh membawa kepada rosaknya kontrak *mudārabah* pula dibahagikan kepada tiga bahagian.⁷¹

- Syarat yang menafikan kehendak kontrak seperti mana-mana pihak yang berkontrak menghendaki supaya kontrak *mudārabah* menjadi suatu kontrak yang mengikat di mana kedua-dua belah pihak tidak boleh membubarkannya atau mengenakan syarat tidak boleh menjual melainkan pada kadar modal *mudārabah* atau kurang daripada itu.

⁶⁹ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 68

⁷⁰ *Ibid.*

- ii. Syarat yang boleh menyebabkan kejahilan dari segi untung seperti mewajibkan kepada *mudārib* sebahagian daripada keuntungan yang tidak diketahui kadarnya, atau disyaratkan kepada *mudārib* di mana dia boleh mengambil keuntungan dalam satu daripada dua perjalanan untuk perniagaan, atau memberikan kepada *mudārib* keuntungan yang didapat dalam bulan tertentu. Syarat-syarat ini dianggap *fāsid* kerana ia membawa kejahilan tentang hak setiap orang daripada mereka dari segi keuntungan. Sedangkan syarat *mudārabah* dalam keuntungan mestilah jelas diketahui kadarnya.
- iii. Mengenakan syarat yang tidak ada kena mengena dengan kepentingan dan kehendak kontrak *mudārabah*, seperti mensyaratkan kepada *mudārib* supaya mengambil harta lain kepunyaan pemilik modal secara *ibdā'*⁷²; mensyaratkan *mudārib* menanggung kerugian bersamanya atau membayar ganti rugi terhadap kerosakan dan kehilangan.

Dalam mazhab Hanafi juga syarat sedemikian boleh menyebabkan kerosakan kepada kontrak *mudārabah*. Oleh yang demikian jika pemilik modal, dalam penyediaan syarat *mudārabah*nya menyatakan bahawa 1/2 atau 1/3 daripada keuntungan adalah untuk *mudārib*. Syarat ini dikira merosakkan *mudārabah* kerana tidak pasti antara dua kadar keuntungan yang diperuntukkan kepada *mudārib*.

Keuntungan adalah maksud asal kontrak *mudārabah*. Kejahilan mengenainya merosakkan kontrak. Demikian juga dengan syarat-syarat yang

⁷¹ *Ibid.*, h. 70-71.

⁷² Makna *ibdā'* dalam istilah *fiqh* ialah menyerahkan harta (modal) kepada seseorang untuk diperniagakan secara sukarela. Semua keuntungan adalah untuk pemilik modal. Lihat al-Nawawi (1985), *op.cit.*j.5, h.123; al-Kāsāni (t.t.), *op.cit.*, j.8, h. 3604.

boleh membawa kepada terputusnya perkongsian dalam keuntungan juga dianggap merosakkan *mudārabah*.⁷³ Misalnya seperti pemilik modal menetapkan jumlah keuntungan sebanyak RM100 kepada *mudārib* dengan ketentuan tiada lagi keuntungan untuknya selain daripada itu. Mengenakan syarat yang menetapkan bahawa *mudārib* ada bahagian dalam harta modal juga merosakkan *mudārabah*. Ini kerana bahagian yang boleh diperolehi oleh *mudārib* dalam kontrak *mudārabah* ialah dalam keuntungan yang diperolehi, bukan dalam harta modal. Ada kalanya batal syarat tetapi *mudārabah* tetap sah seperti mengenakan syarat supaya *mudārib* turut menanggung kerugian atau kedua-dua belah pihak, pemilik modal dan *mudārib* sama-sama menanggung kerugian.⁷⁴ *Mudārabah* ini masih dikira sah kerana syarat-syarat yang dibuat *fāsid* tetapi tidak memutuskan perkongsian dalam keuntungan *mudārabah*.

Wujud juga perbezaan pendapat di kalangan sarjana perundangan Islam semasa mengenai syarat-syarat *mudārabah* yang telah disusun oleh para *fuqahā'* dalam kitab-kitab *fiqh* terutamanya mengenai setakat manakah perlunya pihak yang berkontrak terikat dengan syarat-syarat tersebut khususnya mengenai syarat yang berkaitan dengan bahagian *mudārib* dalam keuntungan, di mana ia ditetapkan mesti diambil daripada bahagian yang bercampur dengan bahagian untuk pemilik modal dalam keuntungan. Ianya bukan dibuat dalam bentuk penentuan kadar tetap tanpa mengambil kira sama ada projek perniagaan itu mendapat untung atau tidak. Persoalan ini timbul kerana ada sarjana perundangan Islam semasa berpendapat bahawa *mudārabah* adalah suatu kontrak mu'amalah yang tunggal yang dibincangkan oleh *fuqahā'* yang tidak

⁷³ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 22, h. 150; Abū al-Hasan ‘Alī ibn Abī Bakr ibn ‘Abad al-Jafīl al-Rusdānī al-Marghīnānī (t.t), *al-Hidāyah fī Bidāyah al-Mubtadī*, j.3, Kaherah: Syarikah

ada *naṣ* al-Quran dan hadith yang secara lansung mengenainya. Semua sumber yang berkaitan dengannya adalah berupa perkataan-perkataan yang dinuqilkan daripada sebahagian sahabat Rasul Allah s.'a.w. yang kesemuanya menunjukkan bahawa amalan *muḍārabah* sudah dikenali dikalangan orang Arab jahiliyah dan dipakai hingga ke zaman kedatangan Islam. Sahabat-sahabat Rasul Allah s.'a.w. mengamalkannya di mana Rasul Allah s.'a.w. mengetahui perkara itu dan memperakuinya. Oleh yang demikian maka syarat-syarat yang termaktub dalam kitab-kitab *fiqh* adalah syarat yang berupa ijtihad yang diambil oleh *fuqahā'* daripada kaedah-kaedah syari'ah yang umum, bukan daripada nas al-Quran atau hadith al-nabawi. Kerana itu pada pandangan mereka syarat tersebut tidak mengikat, tidak mesti dipatuhi.⁷⁵

Pandangan di atas tidak mudah untuk diterima. Ini kerana *muḍārabah* dalam bentuknya yang ada sekarang telah diketahui di zaman jahiliyah dan diamalkan oleh para sahabat dan diakui oleh Rasul Allah s.'a.w. Ini juga diakui oleh pihak yang mengatakan bahawa syarat-syarat *muḍārabah* dalam kitab-kitab *fiqh* adalah ijtihad *fuqahā'* semata-mata. Sedangkan dengan bentuknya yang sedemikian (adanya pengakuan Rasul Allah terhadap syarat-syarat yang dibuat dan dipakai di waktu itu), maka ternyata bahawa syarat-syarat *muḍārabah* itu adalah syarat yang sabit dengan hadith pengakuan dalam bentuknya yang menyeluruh. Menurut Ibn 'Abd al-Bar⁷⁶ bahawa telah menjadi *ijma'* bahawa

Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīh , h. 212.

⁷⁴ al-Marghinānī, *Ibid.*, h. 203; Syarif al-Din (1974), *op.cit.*, h. 136.

⁷⁵ Pendapat sedemikian dikemukakan oleh Syaykh Yāsīn Suwaylam dan Shaykh 'Ali al-Khafif. Lihat Hasan Amin (1988), *al-Muḍārabah al-Syar'iyyah wa Tatbiqatuhā al-Hadīthah*, Jeddah:al-Bank al-Islami li al-Tanmiyyah, h. 39-40.

⁷⁶ Nama sebenar Ibn 'Abd al-Bar ialah Abū 'Umar, Yūsuf ibn 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn 'Abd al-Bar al-Namrī. Dilahirkan di Qurṭubah (Cordoba), hidup antara tahun 368-463 H, seorang ahli hadith dan *fiqh*, ulama' besar di Andalus. Dia juga seorang ahli sejarah dan sastera. Banyak berpindah dari satu tempat ke satu tempat , pernah menjadi qadi di Syabutah dan Syantrin. Beliau meninggal dunia di Syatibah. Antara kitab karangannya ialah *al-*Syabutah dan *Syantrin*.

qirād (*muḍārabah*) tidak boloh berlaku melainkan dengan bahagian yang tertentu daripada keuntungan sama ada separuh, kurang atau lebih.⁷⁷ ‘Ali ibn Abī Ṭālib pernah berkata mengenai *muḍārabah*: “kerugian adalah tanggungan pemilik modal dan keuntungan adalah mengikut persetujuan scsama mereka”.⁷⁸ *Muḍārabah* dengan syarat-syaratnya yang telah ditentukan di mana bahagian *mudārib* dan pemilik modal adalah bercampur dalam keuntungan yang diperolehi hasil daripada pelaburan *muḍārabah* berkenaan mengikut peratusan yang telah dipersetujui, bukan dengan jumlah yang ditentukan sebelum kerja dilakukan. Dengan itu semua syarat *muḍārabah* adalah perkara yang sudah menjadi *ijmā‘* dan diakui oleh hadith *taqrīr* (pengakuan), *fīqh muḍārabah* menyesuaikannya, kerana keuntungan adalah perkara yang menjadi tujuan akad. Syarikat hanya berlaku antara kedua belah pihak dalam keuntungan yang diperolehi. Menetapkan bahagian *mudārib* pada jumlah yang tertentu dari mulanya memutuskan persyarikatan, dan ini bertentangan dengan kehendak kontrak.

2. 1 Syarat yang berkaitan dengan rukun *muḍārabah*

2.1.1 Syarat pemilik modal:

Dalam akad *muḍārabah*, pemilik modal disyaratkan mestilah seorang yang layak mengurus harta. Berkeahlian dalam melantik wakil, bererti dia mestilah seorang yang telah baligh dan berakal. al-Syirāzī dari kalangan *fuqahā’* Syafi‘i berpendapat bahawa kanak-kanak tidak berkeahlian untuk

Istidhkār fī Syarh Madhāhib ‘Ulama’ al-Amṣār, al-Tamhīd lima fī al-Muwattā’ min al-Ma‘āni wa al-Asāni dan kitab *al-Kāfi* dalam bidang *fiqh*. Lihat Khayr al-Din al-Zirikli (1979), *al-A‘lāq*, j. 9, Beirut: Dār El Ilmi lil Malayīn , h. 416-317.

⁷⁷ Abū ‘Umar Yāsuf ibn ‘Abd Allāh ibn Muhammād ibn ‘Abd al-Bār al-Namrī (1993) , *al-Istidhkār*, j 21, Kaherah: Dār al-Wa‘y, h. 124.

⁷⁸ Abū Bakr ‘Abd Razzāq ibn Hammām al-San‘ānī (1983), *al-Muṣannaf*, j. 8, al-Majlis al-‘Ilmi, h. 248

melantik wakil, maka tidak sah baginya membuat kontarak *muđarabah*.⁷⁹ Sementara al-Bahūfī, ahli *fīqh* mazhab Hanbali berpendapat bahawa tidak sah bagi kanak-kanak *mumayyīz* yang belum baligh membuat kontrak kchartaan sekalipun dengan izin walinya⁸⁰. Berbeza dengan pandangan al-Kāsānī daripada mazhab Hanafī dan Ibn Rusyd daripada mazhab Maliki yang berpendapat bahawa kanak-kanak *mumayyīz* yang diberi keizinan berniaga, sah baginya melakukan akad *muđarabah* dengan hartanya⁸¹.

Pemilik modal juga mestilah seorang yang bebas, bukan hamba kerana hamba tidak berkeahlian dalam memilik, mengurusniaga dan melantik wakil. Apa yang dilakukan oleh hamba adalah untuk tuannya. Pemilik modal juga tidak dikenakan sekatan (*al-hajr*) daripada menguruskan harta kerana bankrap ; memiliki harta atau hak wilayah ke atas harta seperti bapa, kerana melantik wakil bererti menyerahkan apa yang dimiliki oleh seseorang kepada orang lain untuk diurusniagakan (*taṣarruf*) dan siapa yang tidak memiliki kuasa *taṣarruf*, maka dia tidak memiliki kuasa menyerahkannya kepada orang lain. Ini adalah pandangan majoriti *fuqahā' Sunnī*, kecuali *fuqahā'* mazhab Hanafī yang tidak mensyaratkan demikian kerana pada mereka(*fuqahā'* Hanafī) urusniaga secara *al-fudūlī*⁸² adalah sah bersesuaian dengan kebenaran yang diberi oleh pemilik harta berkenaan.

⁷⁹ al-Syirāzī (1994), *op.cit.*j. 1, h. 459.

⁸⁰ al-Bahūfī (t.t.), *op.cit.*, j3, h.450

⁸¹ al-Kāsānī (t.t.), j.7, h. 3347; Abū al-Walīd Muḥammad ibn Ahmad ibn Rusyd (1980) *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid*, j. 2, Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azharīyah, h. 269-273.

⁸² Urusniaga *al-fudūlī* ialah mengurus niagakan harta milik orang lain sperti menjual dan menyewanya tanpa perwakilan atau kuasa wilayah dari segi syari'ah. *Fuqahā' Sunnī* berbeza pendapat dalam perkara ini. Titik tolak perbezaan pendapat antara mereka adalah berpunca daripada persoalan apakah pemilikan atau kuasa wilayah itu syarat akad atau syarat lulus akad . Bagi mereka yang berpendapat bahawa kedua-duanya adalah syarat akad , maka urusniaga secara *al-fudūlī* adalah batal. Bagi mereka yang berpendapat bahawa kedua-duanya adalah syarat lulus akad, tidak menghukumkan batal mu'amalah sedemikian. Pada mereka ia adalah akad yang masih targantung dan tertakluk kepada keizinan tuan punyanya. Al-Imām al-Syāfi'i dan al-Imam

Kedua-dua belah pihak yang berkontrak mesti berada dalam satu negeri, sama ada dalam negeri Islam atau negeri kafir. Tidak sah *muḍārabah* apabila salah seorang yang terlibat dalam akad *muḍārabah* berada dalam negeri Islam dan seorang lagi di negeri kafir atau sebaliknya. Tidak sah akad *muḍārabah* jika disyaratkan bahawa pemilik modal bekerja bersama-sama dengan *muḍārib*. Hak pemilik modal dalam akad *muḍārabah* adalah hak *wilāyah* dalam harta. Jika ia melarang *muḍārib* melakukan apa-apa tindakan terhadap harta berkenaan, larangan itu mesti dipatuhi oleh *muḍārib*.⁸³

2.1.2. Syarat *muḍārib* (pengusaha)

Untuk mempastikan bahawa sesuatu akad *muḍārabah* itu sah, *muḍārib* mestilah terdiri dari seorang ahli *taṣarruf* iaitu seorang yang layak dalam kira bicara (berkontrak) dan layak menjadi wakil; berakal, tidak gila, bukan kanak-kanak yang tidak berakal, bukan orang bodoh yang membazirkan hartanya dan *muḍārib* mestilah seorang yang telah baligh. Ini adalah syarat yang ditetapkan dalam mazhab Syafi'i, manakala *fuqāḥā'* Hanafi, Maliki dan satu golongan daripada *fuqāḥā'* Hanbali mengharuskan kanak-kanak *mumayyiz* yang diberi keizinan walinya untuk melakukan kontrak *muḍārabah*⁸⁴. *Muḍārib* boleh dilantik dari kalangan orang bangkrap. *Muḍārib* juga mestilah bebas menguruskan sendiri modal yang diterimanya. Dia adalah dianggap sebagai pemegang amanah sebaik sahaja kontrak *muḍārabah* disempurnakan dan modal diserahkan kepadanya.

Ahmad ibn Ḥanbal menganggap akad *al-fuḍūlī* sebagai *akad* yang batal. Manakala al-Imām Abū Ḥanīfah dan al-Imām Malik menganggapnya sebagai sah tetapi ia tertakluk kepada kebenaran tuan punya harta. Lihat 'Isawi Ḥamad 'Isawi (1968), *al-Madkhāl li al-Fiqh al- Islāmī*, al-Tab'ah al-Zikra , hlm. 481-482.; Zayn al-Dīn Ibn Nujaym (t.t.), *al-Bahr al-Rāīk Syarh al-Daqāiq* j-6, Kaherah: Dār al-Kutub al-Islāmī, h.160.

⁸³ Masyhūr (t.t.), *op.cit.*, h. 298

⁸⁴ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j. 7, h. 3347; al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j 1,h. 459; Abū al-Hasan 'Alī ibn Abd al-Salām al-Tasūlī (t.t.), *al-Bahjah fī Syarh al-Tuhfah*, j 1, Dār al-Fikr, h. 201; al-Bahūti (t.t.), *op.cit.*, h. 450.

Mudārib tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerilangan atau kerrosakan ke atas modal *mudārabah* kecuali kerana kecuaian atau perbuatan salah urus yang dilakukan olehnya ke atas modal berkenaan.⁸⁵

Mudārib tidak harus menyerahterahkan modal *mudārabah* kepada orang lain untuk diperniagakan tanpa keizinan pemilik modal.⁸⁶ Jika ia bertindak demikian tanpa pengetahuan dan keizinan pemilik modal, maka ia dianggap menyeleweng dan dia dipertanggungjawabkan mengganti jika berlaku kerugian atau hilang. Dalam mazhab Hanbali perbelanjaan hidup *mudārib* semasa dia menjalankan perniagaan berkenaan adalah tanggungannya sendiri, baik semasa bermukim atau bermusafir, kecuali mendapat persetujuan yang jelas daripada pemilik modal, bahawa perbelanjaan hidup *mudārib* diambil dari harta *mudārabah*.⁸⁷ *Mudārib* berhak untuk bertindak mengikut kemampuan dan kapakaran yang ada padanya untuk memperoleh keuntungan dengan syarat tindakannya dalam menguruskan perniagaan itu tidak terkeluar dari bidang kerja yang diharuskan oleh syari'ah. *Mudārib* boleh menjalankan apa juga jenis perniagaan tanpa batasan tempat dan masa mengikut akad. Dia boleh membeli dan menjual kerana tujuan kontrak *mudārabah* ini dibuat adalah untuk mendapat keuntungan. Dia boleh membeli dengan harga pasaran atau dengan harga yang lebih rendah daripada itu. Jika ia membeli dengan harga yang lebih tinggi dari harga pasaran, pembelian itu adalah untuk dirinya sendiri, tidak termasuk dalam akaun perniagaan *mudārabah*.⁸⁸

Mudārib juga boleh bertindak melakukan kontrak *ibdā'* ke atas harta *mudārabah* iaitu dengan memberikan orang lain memperniagakan harta itu tanpa

⁸⁵ Lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 157-158.

⁸⁶ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 104.

⁸⁷ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 70.

memberi apa-apa ganjaran kepadanya sama ada dalam bentuk agihan keuntungan atau upah dan semua keuntungan masuk dalam akaun *muḍārabah*.⁸⁹ a-Imām Mālik tidak membenarkan *muḍārib* melakukan *ibdā'* kecuali dengan keizinan pemilik modal. Jika *muḍārib* melakukannya juga risikonya ditanggung oleh *muḍārib* sendiri,⁹⁰ di mana *muḍārib* diklehendaki membayar ganti rugi, jika berlaku kerugian.⁹¹ *Muḍārib* boleh mengupah pekerja untuk membantunya mengendalikan perniagaan; menyewa sektor untuk menyimpan barang-barang dan menyewa kenderaan untuk pengangkutan. Dia juga boleh menyerahkan harta *muḍārabah* secara *wadī'ah* kepada seseorang yang boleh dipercayai atau disimpan dalam bank untuk menjaga keselamatan dan hal ini merupakan suatu 'adat dalam perniagaan.

Muḍārib juga boleh mewakilkan kepada orang lain untuk membeli dan menjual. Melakukan kerja melalui wakil adalah menjadi kebiasaan dalam perniagaan dan ianya juga adalah satu cara untuk mencapai maksud *muḍārabah* iaitu keuntungan. Lojiknya ialah sesuatu kerja yang boleh dilakukan sendiri oleh *muḍārib* boleh diwakilkan kepada orang lain melakukannya. Cuma dia tidak boleh mewakilkannya kepada pemilik modal kerana pemilik modal tidak berhak terlibat dalam operasi perniagaan berkenaan; boleh menggadai dan memegang gadai; boleh menjual dengan harga tangguh sesuai dengan kebiasaan perniagaan kerana jualan jenis ini boleh mendapat keuntungan yang lebih lumayan. Keharusan ini berasaskan pandangan Abū Hanīfah,⁹¹ manakala para *fūqahā'* dari mazhab *Sunnī* yang lain tidak mengharuskannya kecuali dengan

⁸⁸ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3606

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, h. 103; al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 521.

⁹¹ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 38; al-Kāṣānī (t.t.) *op.cit.*, h. 3606.

keizinan yang nyata dari pemilik modal⁹². *Fuqahā'* Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa *Mudārib* berhak bermusafir dengan harta *mudārabah* kerana tujuannya ialah untuk menambah suburkan harta iaitu dengan memperoleh keuntungan. Adalah menjadi kebiasaan sesuatu perniagaan itu mendapat keuntungan dengan melibatkannya dalam perjalanan jauh terutama dalam perniagaan antara bangsa. Nama "mudārabah" itu sendiri sudah menjadi buktinya kerana ia diambil dari perkataan "al-darb" yang bererti perjalanan jauh.⁹³ Cuma *fuqahā'* Syafi'i dan mereka yang scaliran dengannya yang tidak membenarkan harta *mudārabah* di bawa bermusafir kecuali dengan keizinan daripada pemilik modal kerana pada pandangan mereka membawa harta *mudārabah* bermusafir boleh berlaku *gharar*⁹⁴ dan membahayakan harta⁹⁵.

Terdapat beberapa kerja tertentu di mana *mudārib* tidak boleh bertindak melakukannya kecuali dengan *nas* (dokumen) yang jelas dalam akad *mudārabah*. Antaranya seperti membuat pemberian *hibah*, terlalu bersifat pemurah dalam membeli dan menjual (*māhabah*) iaitu membeli dengan harga tinggi dan menjual tanpa mendapat keuntungan. Tidak boleh memberi hutang (*qard*) dan tidak boleh membeli dengan harga tangguh di sisi mazhab Syafi'i, tetapi dibenarkan, malah dianggap sebagai kebiasaan peniaga dalam mazhab Hanafi.⁹⁶ *Qard* tidak

⁹² al-Syīrāzī (1994), *op.cit.* j. 1, h. 507; al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h.116; Abū al-Qāsim 'Umar ibn Ḥusayn al-Khiraqī (1993), *Matn al-Khiraqī*, Tanta: Dār al-Šahabah li al-Turāth, h. 74.

⁹³ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, h.119; al-Kāṣāni (t.t.), *op.cit.*, h. 3608.

⁹⁴ Makna *gharar* ialah suatu perkara yang berlapis-lapis yang tersembunyi kesan dan akibatnya. Lihat al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, h. 394. Dalam *Qalyūbī wa 'Umayrah* dinayatkan bahawa *gharar* adalah suatu kontrak yang mana akibatnya tersembunyi daripada kita, atau perkara yang berlaku antara dua kemungkinan di mana yang paling kerap adalah yang paling ditakuti dan ia berisiko tinggi. Lihat *Qalyūbī wa 'Umayrah* (t.t.), *Qalyūbī wa 'Umayrah* j.2, Kaherah: Dār Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 61. Manakala al-Jurjānī mentakripkannya sebagai suatu yang tidak diketahui kesannya sama ada ia baik atau tidak. Lihat 'Alī ibn Muḥammad ibn 'Alī al-Jurjānī (t.t.), *al-Ta'rifāt*, tah: Ibrāhīm al-Abyārī, Dār al-Dayyān li al-Turāth, h. 208.

⁹⁵ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 508; al-Khaṭīb (t.t.), *op.cit.* j. 2, h. 317; al-Ghayātī (1988), *op.cit.*, h. 67.

⁹⁶ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 75; al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, h. 507..

harus dilakukan dengan harta *mudārabah* kecuali dengan keizinan pemilik modal, kerana ia adalah suatu pinjaman sukarela sedangkan harta orang lain tidak berhak di urus untuk tujuan sukarela⁹⁷. Tidak boleh berhutang untuk menambah modal *mudārabah* dan jika ia berbuat demikian ia dianggap menyalahi kontrak dan bertanggungjawab atas tindakannya dan semua keuntungan yang diperolehi dari pinjaman itu adalah untuknya sendiri, tiada bahagian untuk pemilik modal⁹⁸. Menurut al-Syirāzī, *Mudārib* tidak boleh menyerahkan modal *mudārabah* kepada *mudārib* lain untuk diurusniagakan secara *mudārabah* kecuali dengan keizinan pemilik modal⁹⁹. Jika diizinkan, maka keuntungannya adalah untuk pemilik modal sebagaimana yang dipersetujui dalam akad *mudārabah* dari mulanya dan bakinya adalah untuk *mudārib* dan rakan kongsinya mengikut persetujuan antara mereka¹⁰⁰.

Mudārib juga perlu mendapat keizinan dan mandat yang jelas daripada pemilik modal sekiranya ia ingin melibatkan modal *mudārabah* dengan jualan secara yang tidak tunai atau melibatkan urusniaga dengan wang asing (bukan mata wang negeri berkenaan)¹⁰¹. *Mudārib* hanya boleh bertindak mengurusniagakan modal *mudārabah* dalam lingkungan kegiatan ekonomi dan perniagaan yang halal sahaja. Oleh yang demikian *mudārib* tidak boleh turut serta dalam perniagaan arak, bangkai, babi, judi dan lain-lain yang diharamkan oleh Allah ke atas hamba-Nya.¹⁰²

⁹⁷ al-Kāsānī (t.f.), *op.cit.*j. 8, h.3618; al-Khafif (t.t.), *op.cit.*,h. 85.

⁹⁸ al-Kāsānī (t.t.) *op.cit.*

⁹⁹ al-Syirāzī (1994), *op.cit.*, h. 507.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*j.5, h.116

¹⁰² Pengharaman perkara-perkara yang berkenaan dinyatakan dalam al-Quran, surah al-Māidah, ayat 3, dan ayat 90.

Dari segi akidah orang yang terlibat dalam akad *mudārabah*, tiada ketentuan bahawa kedua belah pihak mesti beragama Islam. Ini bererti sah akad *mudārabah* antara orang Islam di satu pihak dan *dhimmī* di satu pihak yang lain. Menurut al-Sarakhsī, makruh menyerahtan harta *mudārabah* kepada orang nasrani sebagai *mudārib*, tetapi harus jika ia menjadi *mudārib* bersama seorang muslim.¹⁰³ Manakala al-Kāṣānī pula berpendapat bahawa bermudārabah dengan orang bukan Islam sama ada dengan kafir *dhimmī* atau kafir *ḥarbī musta'man* adalah harus, sehingga jika orang kafir *ḥarbī* masuk ke negeri Islam dengan aman, maka orang Islam boleh bermudārabah dengannya sama ada sebagai *mudārib* atau pemilik modal. Ini kerana orang *musta'man* sama kedudukannya dengan seperti *dhimmī*. Mengikat kontrak *mudārabah* dengan *dhimmī* adalah harus.¹⁰⁴ Namun untuk mengelakkan daripada bermu'amalah secara riba dan harta haram, maka sebaik-baiknya untuk akad *mudārabah* antara dua pihak yang berlainan agama, hendaklah pemodalnya *dhimmī* dan *mudāribnya* muslim, tidak sebaliknya.¹⁰⁵

2.1. 3. Syarat kerja

Maksud kerja dalam akad *mudārabah* pada asalnya ialah berniaga iaitu membeli dan menjual dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya seperti mengeluarkan barang untuk dilihat oleh pelanggan, membuka lipatan kain dan melipatnya semula. Dari segi bidang pekerjaan yang boleh dilakukan dengan modal *mudārabah*, *fiqahā'* Syafi'i mensyaratkan bahawa kegiatan yang boleh dilakukan dengan modal *mudārabah* terbatas kepada aktiviti perniagaan

¹⁰³ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*j. 22, h. 25.

¹⁰⁴ al-Kāṣānī, (t.t.) *op.cit.*j 8, h. 5393.

¹⁰⁵ Syams al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr, Ibn Qayyim al-Jawzīyyah,tah: Dr. Subhi Ṣāleḥ (1983), *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*j. 1, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 270-271.

sahaja.¹⁰⁶ al-Imām Mālik mengharuskan *mudārabah* dalam bidang perniagaan dan pertanian,¹⁰⁷ manakala al-Sarakhsī daripada mazhab Hanafī dan al-Bahūtī daripada mazhab Hanbali mengharuskan *mudārabah* dilakukan dalam pelbagai bidang ekonomi meliputi pernigaan, pertanian dan pembuatan barang.¹⁰⁸

Dari segi kerja yang dilakukan oleh *muqārib* bergantung kepada akad *mudārabah* yang telah dipersetujui, sama ada ia berbentuk *mu'lāqah* atau *muqaiyyadah*.¹⁰⁹ Dalam *mudārabah mu'lāqah*, *muqārib* bebas melaksanakan kerjanya tanpa terikat dengan masa, tempat dan jenis perniagaan. Keadaan sebaliknya berlaku dalam kontrak *mudārabah muqayyadah*. al-Imām Mālik dan *fuqahā'* Syafi'i hanya menerima *mudārabah mu'lāqah*, di mana *muqārib* bebas dalam menguruskan perniagaannya, tidak dihadkan dari segi jenis barang yang diperniagakan atau orang yang terlibat bersamanya dalam mengurus perniagaan sama ada membeli atau menjual. Tidak dibataskan masa mereka pada tempoh tertentu.¹¹⁰ Hal ini kerana sebarang ikatan akan melenyapkan tujuan kontrak iaitu keuntungan.

Manakala al-Kāṣāñī dan Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanafī dan Hanbali mengharuskan pembatasan masa *mudārabah* dengan syarat ada persetujuan tentang tempoh masa berkenaan bersesuaian dengan tabi'at (*nature*)

¹⁰⁶ Abū Zakariyā Yahyā ibn Syarīf al-Ñawawī (1338H), *Minhāj al-Talibīn*, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 74; al-Khatīb (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 311.

¹⁰⁷ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*j. 5, h.120.

¹⁰⁸ al-Sarkhasī, (t.t.) *op.cit.*, j.22, h. 54 dan 72-73; al-Bahūtī (t.t), *op.cit.*j 3, h. 511 dan 525.

¹⁰⁹ Perbincangan lanjut mengenai pembahagian *mudārabah* kepada *mu'lāq* dan *muqayyad* akan dibincang dengan lebih terperinci dalam bab II atas tajuk Hukum *Mudārabah*. Lihat supra h.98-149

¹¹⁰ al-Imām Mālik (t.t), *op.cit.*, h. 600; al-Syīrāzī,(1994) , *op.cit.*j. 1, h. 506.

kerja dan musimnya.¹¹¹ Bagi golongan *fuqahā'* yang mengharuskan *mudārabah* *muqayyadah* iaitu golongan Hanafi dan Hanbali, mereka menetapkan bahawa *mudārib* tidak boleh melanggar syarat akad. Jika berlaku pelanggaran syarat akad oleh *mudārib*, maka ia dianggap sebagai melampaui batas dan dia bertanggungjawab menjamin ganti rugi semua modal, jika berlaku kerugian. Antara syarat *mudārabah muqayyadah* ialah membataskan individu-individu tertentu di mana *mudārib* tidak boleh bermu'amalah dengannya; membataskan pasar-pasar tertentu di mana *mudārib* boleh memasarkan barang perniagaan *mudārabahnya*; disyaratkan *mudārib* tidak boleh bermusafir dengan modal berkenaan atau membataskan perniagaan pada barang tertentu yang tidak mudah rosak.¹¹²

2.1.4. Syarat modal

Fuqahā' tidak sependapat tentang modal *mudārabah* sama ada dengan wang sahaja atau boleh juga dengan barang perniagaan. Ada pendapat mengatakan bahawa modal *mudārabah* mestilah berbentuk mata wang emas atau perak iaitu dinar atau dirham atau sesuatu yang senilai dengannya dalam bentuk wang yang sah diperlakukan dalam sesebuah negeri. Ada juga di kalangan *fuqahā'* Maliki yang mengharuskan *bermudārabah* dengan barang perniagaan, jika barang itu hanya satu-satunya barang yang diperniagakan.¹¹³ Manakala al-Awza'i¹¹⁴ dan Ibn Abi Laylā¹¹⁵ mengharuskan

¹¹¹ al-Kāsāni (t.t.) *op.cit.*, h. 3633; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.* j. 5, h. 69; Masyhūr, (t.t.) *op.cit.*, h.300.

¹¹² al-'Asqalānī (1993), *op.cit.* j. 1, h. 419.

¹¹³ al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.* j. 3, h. 517.

¹¹⁴ al-Awza'i (88-157H) ialah 'Ab al-Rahman ibn 'Amru ibn Yuhmid al-Awza'i daripada qabilah al-Awza'. Beliau dilahirkan di Ba'labbaka dan di besarkan di Biqā'. Kemudian beliau menetap di Beirut dan meninggal dunia di sana. Beliau adalah seorang ulama' terkenal di zamannya dan seorang zāhid. Pernah diminta menjadi qadi tetapi beliau menolaknya. Beliau mempunyai pengaruh yang kuat di Syam. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pernah tunduk kepada kehendak beliau supaya membayar wang tebusan bagi melepaskan orang-orang Islam daripada

penggunaan barang perniagaan dengan menjadikan harganya pada waktu akad sebagai modal dan sebarang tambahan yang berlaku pada harga barang berkenaan ketika dijual adalah dikira sebagai keuntungan.¹¹⁶

Menurut al-Imām al-Syāfi‘ī bahawa kontrak *mudārabah* tidak sah dilakukan dengan modal lain selain dari mata wang, dinar dan dirham,¹¹⁷ mata wang berkenaan mestilah mata wang yang sah diperlakukan dalam sesbuah negeri. Jika akad *mudārabah* dibuat dengan menggunakan bongkah emas atau perak sebagai modal juga tidak sah, kerana ia dianggap sama seperti barang perniagaan di mana ia terdedah kepada turun naik harga.¹¹⁸ Oleh yang demikian untuk memastikan sesuatu akad *mudārabah* itu dianggap sah perlu diikuti syarat-syarat berikut :

a. Modal mesti berbentuk wang

Modal mesti terdiri daripada wang tunai sama ada wang kertas¹¹⁹ atau wang yang dibuat daripada logam seperti emas, perak dan lain-lainnya yang sah yang dipakai dalam sesuatu negeri. Tidak harus *bermudārabah* dengan barang

tawanan raja Rum. Antara kitab karangan beliau ialah *al-Sunan* dalam bidang *fiqh* dan *al-Masā'il* yang mengandungi jawapan kepada 70,000 masalah. Fatwa beliau dipakai di Andalus dan di Andalus beliau dikenali dengan nama Awzu dan Awzei. Lihat Abu Nu‘aym Ahmad ibn ‘Abd Allah al-Asfahānī (t.t), *Hulliyat al-Awliyā’ wa Tabaqāt al-Asfiyā’*, j 6, Beirut: Dar al-Fikr, h. 135.

¹¹⁵ Ibn Abi Laylā (74–184 H) ialah Muhammad ibn ‘Abd al-Rahman ibn Abi Laylā ibn Bilāl al-Anṣārī, ahli *fiqh* dan juga seorang qadi. Beliau dilantik menjadi qadi dalam zaman pemerintahan Bani Umayyah dan terus memegang jawatan itu sehingga ke zaman ‘Abasiyyah selama 33 tahun. Beliau meninggal dunia di Kufah. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1326H), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j 9, Beirut: Dār al-Ṣādir, h..301.

¹¹⁶ al-Māwardī (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 104; al-Zūrqānī (1979), *op.cit.*, j. 3, h. 353; Ibn Rusyd (1980), *op.cit.* j.2 h. 259.

¹¹⁷ Abd al-Wahhāb Sayyid Hawwas (t.t), *Min Usūl al-Iqtisād al-Mudārabah li al-Māwardī*, Kaherah: Dār al-Anṣār, h. 106.

¹¹⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 18.

¹¹⁹ Wang kertas adalah alat perantaraan dalam pertukaran barang yang dipakai secara meluas di seluruh dunia di zaman ini, ia lebih mudah diurus berbanding mata wang yang dibuat daripada logam dan lain-lain bahan. Ia telah lazim dipakai dan mendapat kepercayaan manusia dalam penggunaannya untuk tujuan mu‘malah kehartaan; tidak ditolak oleh pemberi hutang apabila ia digunakan sebagai pembayaran hutang; menjadi pengukur kepada kekayaan seseorang. Ia menjadi gantian kepada wang emas dan perak dan ia mengambil peranan wang tersebut dan juga hukum penggunaannya dalam mu‘malah. Oleh yang demikian ia juga sah digunakan sebagai modal *mudārabah*. Lihat Hawwās (t.t), *op.cit.*, h. 106.

sama ada dalam bentuk harta tak alih atau harta alih, kecuali apabila pemodal menyerahkan modal kepada *mudārib* dalam bentuk barang dangangan dan menyuruh *mudārib* menjualnya untuk mendapatkan wang dan wang harga barang itu dijadikan modal *mudārabah*. Ini adalah pendapat *fuqahā'* Hanafi, Maliki dan Hanbali. Cuma *fuqahā'* Maliki mensyaratkan supaya barang itu jangan diserahkan kepada *mudārib* secara langsung untuk menjualnya bagi mendapatkan wang modal, sebaliknya mereka menghendaki supaya barang itu diserahkan kepada orang lain untuk dijual kemudian harga barang itu diserahkan kepada *mudārib* untuk dijadikan modal *mudārabah*.¹²⁰ *Fuqahā'* Syafi'i tidak mengharuskan *bermudārabah* dengan barang sekalipun dengan menyuruh *mudārib* menjualnya dan mengambil harganya untuk dijadikan modal. Bagi mereka cara ini tidak diharuskan kerana adanya *ta'fiq mudārabah* dengan menjual barang dan mereka tidak menerima *ta'fiq* terutamanya kerana membawa kepada kejahilan tentang jumlah modal disebabkan tidak diketahui berapa harga barang itu dijual.¹²¹

Fuqahā' *Sunnī* sepakat tentang sahnya *mudārabah* dengan mata wang kerana dengan mata wang boleh digunakan bagi memperolehi harta sebagai tukaran atau harga bagi sesuatu jualan kerana kekuatan daya pembelian yang ada padanya.¹²² Wang memang merupakan perantaraan untuk pertukaran dalam bermu'amalah semenjak manusia tahu menggunakan benda tertentu untuk dijadikan bahan tukaran. Kebanyakan *fuqahā'* *Sunnī* antara mereka ialah Abū

¹²⁰ al-Kāṣāñi (t.t.), *op.cit.* j. 8, h. 3589; Ibn Qudāmah, (1981) j. 5, h. 53.; al-Dusūqī (t.). Sebelum keuntungan dibahagikan, modal *mudārabah* hendaklah diserahkan terlebih dahulu kepada pemilik modal. akad *mudārabah* dengan barang menghalang daripada terlaksananya syarat tersebut sama ada modal itu t.), j.3, h. 19; 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn 'Abd Allāh ibn 'Alī al-Khirṣī (t.t.), *al-Khirṣī 'Alā Mukhtasar Saydī Khafīl*, j. 6, Dār al-Fikr, h. 237.

¹²¹ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.* j. 1, h. 393.

¹²² 'Abd Allāh ibn Zayd al-Maḥmud (1981), *al-Ijmā' li al-Imām Ibn al-Mundhir*, Qatar: Risālah al-Mahākim al-Syar'iyyah wa al-Syuūn al-Dīniyyah, h. 98.

Ḩanīfah, al-Imām Mālik, al-Imām al-Syāfi‘ī, Abū Yūsuf, Muḥammad ibn al-Hasan al-Sayyābānī dan Aḥmad ibn Ḥanbal tidak mengharuskan barang-barang dagangan dijadikan modal *mudārabah*.¹²³ Alasan mereka ialah:

- i. dibuat dalam bentuk harta *mithl* atau harta *mutaqawwam*. Penjelasannya²: apabila modal berupa harta *mithl* seperti makanan, dan pada hari modal itu diserahkan barang itu berharga RM 1,000/- misalnya. Pada ketika mu'amalah dibuat, harga meningkat menjadi RM5,000, maka keuntungan pada ketika itu adalah bersebab daripada kenaikan harga barang tersebut. Apabila pemilik modal meminta balik barang modalnya, maka sudah tentu *mudārib* terpaksa membeli barang yang sama pada jumlah unit yang sama dengan harga RM 5,000 dan memulangkan kepadanya. Dalam hal ini hanya pemilik modal yang menikmati keuntungan dari kenaikan harga barang tetapi *mudārib* tidak mendapat apa-apa bahagian dari keuntungan itu. Dalam hal penurunan harga barang ke tahap yang lebih rendah daripada harga pada hari modal diserahkan pula menjadikan sebahagian modal masuk ke dalam milik *mudārib*, sedangkan pengambilan oleh *mudārib* sebahagian dari modal adalah tidak sah. Sebagai penjelasannya : jika harga barang modal pada hari diserahkan kepada *mudārib* berharga RM 1,000 kemudian harganya turun kepada RM 500. Barang itu telah dijual pada harga yang lebih dari RM 1,000, lebihan itu adalah merupakan keuntungan yang perlu dibahagikan kelak. Kemudian apabila pemilik modal meminta supaya diserahkan kembali modal kepunyaannya, maka *mudārib* akan membeli barang yang sama pada

¹²³ al-Imām Mālik (t.t.), *op.cit.*,h. 601; al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*,j. 22, h. 23; al- Syāfi‘ī

harga RM 500 dan menyerahkannya kepada pemilik modal bersama dengan keuntungan yang diperolehi. Manakala wang RM 500 lagi yang merupakan sebahagian daripada harga barang modal masuk ke dalam milik *mudārib* kerana ia tidak dikira sebagai keuntungan. Hal ini tidak patut berlaku¹²⁴.

- ii. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.'a.w. mclarang daripada mengambil keuntungan selama mana tidak terjamin faedah kepada pihak yang diambil untung daripadanya.¹²⁵ *Bermudārabah* dengan barang boleh membawa kepada keadaan ini. Maksudnya kalau *mudārabah* boleh dibuat dengan barang sebagai modalnya dan ada kemungkinan harga barang itu meningkat sesudah kontrak dimeteraikan. Keuntungan akan diperolehi setelah barang itu dijual dan mereka berkongsi keuntungan itu. Dengan itu *mudārib* memperoleh bahagiannya dalam keuntungan tanpa sesutu dalam jaminannya.¹²⁶
- iii. *Mudārabah* dengan bermodalkan barang boleh membawa kepada kesamaran tentang untung antara pemilik modal dan *mudārib* diwaktu pembahagiannya. Hal ini boleh membawa pertikaian. Ini kerana untuk mengetahui kadar untung ketika itu terletak kepada mengetahui harga barang sebelum kontrak *mudārabah* dibuat dan selepasnya. Jalan untuk mengetahui harga barang hanyalah dengan cara anggaran,

(t.t.), *op.cit.*, j.7, h. 113; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 17.

¹²⁴ Hawwas (t.t.), *op.cit.*, h. 107.

¹²⁵ Mafhum hadith daripada Ibn 'Umar, sabda' Rasul Allah s. 'a. w. : . الخراج بالضمان : Sila lihat al-Syawki (t.t), *op.cit.* , j. 5, h. 202.

¹²⁶ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*,j. 22, h. 33

sangkaan dan agakan. Hal ini bolch membawa pertikaian dari segi kadar keuntungan. Cara ini merosakkan kontrak *mudārabah*.¹²⁷

iv. Sesungguhnya *mudārabah* berlaku dalam bentuk yang menyalahi *qiyās* dan ia adalah suatu *rukhsah* (keringanan) dan ia tidak bolch diluaskan sehingga menjadi upah yang tidak diketahui dan *qarḍ* yang mendapat manfa'at.¹²⁸

v. *Mudārabah* adalah suatu akad yang mengandungi *gharar* di mana kerja yang dilakukan di dalamnya bukan jenis kerja yang boleh diupah (*ghayr madbut*) dan dari segi keuntungannya juga tidak pasti dapat diperolehi. Ia diharuskan kerana keperluan. Oleh itu ia hanya boleh dibuat dengan mata wang yang sah diperlakukan pada setiap masa untuk memudahkan perniagaan.¹²⁹

vi. Sesungguhnya barang apabila menjadi modal *mudārabah*, ia perlukan kepada penentuan harga, sedangkan ia tidak tetap disebabkan perbezaan masa dan orang yang terlibat dalam menentukannya. Hal ini menjadikan jumlah modal sebenarnya tidak diketahui dan membawa kepada jumlah keuntungan juga tidak diketahui serta boleh membawa kepada pertikaian yang merosakkan *mudārabah*.¹³⁰

b. Jelas diketahui dari segi jenis ,kadar dan sifat

Modal mestilah jelas diketahui dari segi jenis, kadar dan sifatnya ketika akad dibuat. Ketiadaan maklumat yang jelas mengenainya membawa kepada

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ al-Kāṣāñī (t.t.), *op.cit.* j. 8, h. 3587; al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, j. 12, h.5; al-Khatīb, (t.t.) *op.cit.*, j. 2, , h. 311.

¹²⁹ Lihat Abu Zakariyyā al-Anṣārī (1948), *Fath al-Wahhāb bi Syarh Manhaj al-Tulāb*, j.1, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 241.

¹³⁰ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.* j. 22, h. 22-23; Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, j. 5, h. 10; Hawwās (t.t) *op.cit.*, h. 107.

kejahilan tentang keuntungan. Megetahui kadar keuntungan adalah menjadi syarat sahnya *mudārabah*. Kejahilan mengenainya membawa kepada pertikaian yang merosakkan akad. Sekiranya harta modal itu tidak diketahui semasa akad, tetapi dapat diketahui selepas akad dalam majlis yang sama dikira tidak memadai untuk mengesahkan *mudārabah*¹³¹.

c. Mestilah ditentukan dengan jelas (*ta'yīn*).

Oleh yang demikian *bermudārabah* dengan wang dari salah satu dari dua uncang wang yang diberi oleh pemilik modal adalah tidak sah kerana tidak ditentukan¹³². Dalam pada itu ada juga pendapat dalam mazhab Syafi'i yang mengatakan bahawa *bermudārabah* dengan salah satu daripada dua uncang wang yang diserahkan oleh pemilik modal, jika diketahui isinya sama ada dari segi jenis, sifat dan kadarnya, maka *mudārib* yang memperniagakan wang dari mana-mana satu uncang berkenaan adalah dikira sebagai sudah mendapat ketentuan mengenai harta *mudārabah*¹³³.

Mengenai syarat *ta'yīn* ini golongan Hanafi berbeza pendapat dengan majoriti *fuqahā' Sunnī*. Pada mereka *bermudārabah* dengan salah satu daripada dua uncang wang yang diserahkan oleh pemilik modal adalah harus, sama ada diketahui atau tidak jenis wang dalam uncang itu sama sahaja, kerana modal itu akan diketahui juga kadarnya ketika diterima (berada dalam tangan *mudārib*) dan ketika urusniaga mula dilaksanakan. Dengan demikian membawa makna menyandarkan akad pada masa hadapan iaitu waktu *qabād* (menerima). Dalam waktu itu kadar modal *mudārabah* berkenaan diketahui. Penyandaran *mudārabah*

¹³¹ al-Kāsānī (t.t.) , *op.cit.*, h. 3595; al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.* , j.3, h. 518; Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.* , h. 141.

¹³² al-Ramli (1967) , *op.cit.*, j.4, h.162.; Abū 'Abd Allāh Muḥammmd ibn 'Abd al-Rahmān (t.t.), *Muwāhib al-Jaflī Syarh Mukhtaṣar Khaffīl*, j.5, Maṭba'ah al-Sa'ādah, h.358.

¹³³ al-Ramli (1967), *op.cit.*

kepada masa hadapan adalah harus dan terlaksana dengan termaklumnya kadar modal berkenaan. Tidak lagi dianggap sebagai sesuatu yang tidak diketahui. Tidak jelas tentang kadar bolch disclesaikan dengan pemilihan *muḍārib* terhadap salah satu daripada uncang berkenaan dan menerimanya¹³⁴.

d. Modal mestilah berbentuk tunai, bukan hutang.

Tidak sah *muḍarabah* dengan hutang atau harta yang tidak dapat ditunjukkan kepada *muḍarib*. Apabila modal *muḍarabah* dibuat dalam bentuk hutang (harta pemilik modal yang ada dalam tangan *muḍarib* sebagai hutang), maka kontrak *muḍarabah* itu menjadi rosak. Ini adalah kerana *muḍarib* adalah pemegang amanah.Dari segi hutang yang ada dalam tanggungannya adalah menjadi jaminannya untuk membayar hutang tersebut.Tidak akan dianggap berlaku pembayaran hutang itu selagi tidak diserahkan kembali harta itu kepada pemiliknya¹³⁵. Hutang tidak boleh diurusniagakan. Maksud *muḍarabah* untuk mendapat keuntungan tidak akan tercapai dengan hutang, maka kerana itu *muḍarabah* dengan hutang dianggap *fāsid*. Syarat menghadirkan atau menunjukkan harta ialah ketika *tasarruf*/bukan ketika akad¹³⁶.

Menurut Abū Ḥanīfah, jika seseorang itu memberi hutang kepada orang lain dan dia meminta supaya orang yang berhutang kepadanya itu menggunakan wang yang dihutanginya sebagai modal *muḍarabah*, maka *imudarabah* itu dianggap rosak (*fāsid*). Jika orang yang berhutang itu membeli dan menjual serta mendapat keuntungan, keuntungan itu adalah untuknya dan demikian juga jika rugi, kerugian itu menjadi tanggungannya, dan kekallah hutang di bawah

¹³⁴al-Sarakhsī (t.t.) , *op. cit.*, j. 22, hlm. 27; Mawlanā al-Syaykh Niẓām wa Jamā'ah min 'Ulāma' al-Hind al-A'lām (t.t), *Fatāwa al-Hindīyyah* ,j.4, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 286.

¹³⁵al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, h. 29; Syarif al-Dīn (1974) , *op.cit.*, h. 60; Md Akhir Yaacob (1994), *op.cit.*, per. 1409.

¹³⁶al-Ghayātī (1988) , *op.cit.*,h .61.

tanggungannya¹³⁷. al-Imām Mālik pula berpendapat bahawa *mudārabah* dengan bermodal hutang yang ada dalam tanggungan *mudārib* adalah dilarang sehingga pemilik modal menerima kembali pembayaran hutang itu kepadanya. Selepas itu baru bolch membuat kontrak *mudārabah* dengan wang tersebut, kerana dibimbangi bahawa orang yang berhutang mengalami masalah kewangan, tidak mampu membayar hutangnya. Pemberi hutang bersedia melambatkan pencenerimaan bayaran hutangnya (dengan menjadikannya modal *mudārabah*) dengan tujuan mendapatkan tambahan. Hal ini dilarang kerana bimbang terlibat dengan riba.¹³⁸

al-Syīrāzī daripada mazhab Syafīī pula, dalam melarang perkara yang sama memberi alasan bahawa *mudārib* menerima pembayaran hutang untuk pemilik modal daripada dirinya sendiri, pembayaran hutang secara demikian dikira tidak sah, maka *mudārabah* yang dilakukan dengan harta berkenaan juga tidak sah¹³⁹. Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanbali juga melarang bermudārabah dengan wang pemilik modal yang berada dalam tangan *mudārib* dalam bentuk hutang¹⁴⁰. Menurut Ibn al-Mundhir, ramai dari kalangan ahli ilmu, antara mereka ‘Atā’, Hakam, Mālik ibn Anas, al-Thawrī, Ishāq, Abū Thawr dan Ashāb al-Ra’y (golongan ulama’ yang bersedia menggunakan akal dalam memutuskan ketentuan hukum) berpendapat bahawa tidak harus menjadikan hutang yang menjadi tanggungan seseorang yang berhutang seba’ai modal *mudārabah*.¹⁴¹

¹³⁷ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 29; al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, h. 359.

¹³⁸ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 88; al-Zurqānī (1979), *op.cit.*, j. 3, h. 348; Ibn Rusyd (1980), *op.cit.*, j. 2, h. 237.

¹³⁹ al-Syīrāzī (1994), *op .cit.*, j. 1, h. 510. .

¹⁴⁰ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h.73.

¹⁴¹ Ibn al-Mundhir (1993), *al-Isyrāf ‘alā Madhāhib Ahl al-‘Ilm*, j. 2, Dār al-Fikr, h.40.

al-Kāsānī daripada mazhab Hanafi mengharuskan seseorang pemilik modal meminta kepada *muḍārib* supaya memungut hutangnya dalam tangan orang lain, kemudian menjadikan wang pungutannya itu sebagai modal *muḍarabah*, kerana ber*muḍarabah* dengan cara demikian adalah bersandarkan kepada harta yang telah diterima. Pada ketika itu modal adalah tunai bukan hutang¹⁴². Lafaz akad *muḍarabah* begini adalah merupakan suatu pembentukan kontrak yang berkuatkuasa pada masa hadapan di mana *muḍārib* menjadi wakil memungut hutang dan setelah wang itu diterima, maka berlakulah kontrak *muḍarabah*¹⁴³.

Pada pendapat al-Imām Mālik jika pemilik modal melantik *muḍārib* sebagai wakil memungut hutangnya di tangan orang lain untuk dijadikan modal *muḍarabah* setelah dapat dipungut adalah suatu akad yang *fāsid*. Sebagai wakil dia berhak mendapat upah daripada kerja memungut hutang yang dilakukannya, sama ada perniagaan yang dibuat dengan wang kutipan hutang itu mendapat untung atau tidak.¹⁴⁴ Menurut Ibn Rusyd¹⁴⁵ bahawa al-Imām Mālik dan sahabat-sahabatnya berpegang dengan pendapat bahawa cara demikian tidak harus kerana ianya menambah bebanan kerja kepada ‘āmil (*muḍārib*). Yang dikatakan kerja tambahan itu ialah arahan supaya dia mungutip hutang. Pendapat ini

¹⁴² al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3595.

¹⁴³ *Ibid.* h. 3598; al-Marghinānī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 202.

¹⁴⁴ Abū al-Barakāt, Muḥammad ibn Aḥmad al-Dardīr (1998), *al-Syārḥ al-Saghir 'alā Aqrab al-Masālik*, j. 3, Dawlah al-Amārāt al-'Arabiyyah al-Muttaḥidah, h. 686.

¹⁴⁵ Nama sebenar Ibn Rusyd ialah Abū al-Wafid, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rusyd, seorang ahli *fiqh* mazhab Mālikī, dia juga seorang ahli falsafah dan doktor. Penduduk asal Andalus, hidup antara tahun 520-595 H. Dia terkenal sebagai seorang ahli falsafah dan telah menterjemah buku-buku falsafah Aristotel ke bahasa Arab dan membuat banyak tambahan kepadanya. Dia pernah dituduh sebagai ahli *zindiq* dan *ilbād* dan diibuang daerah ke Marakish. Sebahagian besar buku karangannya dibakar. Dia meninggal dunia di Marakisy dan di kebumikgn di Qurṭubah(Cordoba). Dia digelar *al-hafīd* untuk membezakannya dengan datuknya Abū al-Walid Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rusyd yang dibezakan dengan istilah “*al-jad*”. Antara karangannya ialah “*Faṣl al-Ma'āl Fīmā Bayna al-Hikmah wa al-Syār'iyyah min al-Ittiṣāl ,al-Tahāfut wa al-Tahāfut*” dalam bidang falsafah dan buku “*al-Kulliyāt*” dalam bidang perubatan dan kitab

adalah berpegang kepada perinsip asas dalam mazhab Maliki bahawa sesiapa yang mensyaratkan manfa'at yang lebih dalam *qirāq* adalah batal¹⁴⁶.

al-Baghwi daripada mazhab Syaf'i menyatakan bahawa kontrak sedemikian dikira tidak harus. Jika *mudārib* terus mengutip hutang itu dan melaksanakan kerja urusniaga dengan wang berkenaan, maka semua keuntungan yang dipercarai adalah menjadi hak pemilik modal, demikian juga dengan kerugian adalah menjadi tanggungannya. Manakala *mudārib* hanya berhak mendapat upah *mithl* sebagai ganjaran daripada kerja yang dilakukan olehnya.¹⁴⁷ Demikian juga dengan al-Syarbinī al-Khatib daripada mazhab yang sama, di mana beliau juga melarang kontrak sedemikian dengan alasan kerana adanya *ta'siq*¹⁴⁸, iaitu memungut hutang dahulu sebelum dijadikan modal *mudārabah*. Sementara Ibn Qudāmah daripada mazhab Ḥanbalī mengharuskan kontrak *mudārabah* berbentuk demikian atas asas bahawa '*āmil* adalah wakil dalam memungut harta yang diamanahkan kepadanya kerana dia menerima daripada si berhutang dengan keizinan tuan punyanya, maka haruslah wang itu dijadikan modal *mudārabah*.¹⁴⁹ Pendapat ini juga telah menjadi pegangan Abū Bakr (Ibn al-Mundhir), Abū Thawr¹⁵⁰ dan Ashāb al-Ra'y. Hujah mereka bahawa *mudārib* pada ketika itu adalah berperanan sebagai penerima harta yang

¹⁴⁶ "Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid" dalam bidang *fiqh*. Lihat al-Zirikli (1979), *op.cit.*, j. 5, h. 318.

¹⁴⁷ Ibn Rusyd (1971), *op.cit.*, j. 2, h. 237.

¹⁴⁸ Abū Muḥammad al-Ḥusayn ibn Maṣ'ūd ibn Muḥammad ibn al-Farrā' al-Baghwi (1979), *al-Tahdhīb*, j. 4, tah.: al-Saykh 'Ādil Ahmad 'Abd al-Mawjūd dan al-Saykh 'Alī Muḥammad Mu'awwad, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 379.

¹⁴⁹ al-Khatib (t.t.), *op.cit.*, j.2, h.310. Dalam mazhab Syaf'i *mudārabah* secara berta'siq dianggap tidak sah. Lihat al-Syīrāzī (1994) *op.cit.*, j.1, h. 506.

¹⁵⁰ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h. 74.

¹⁵⁰ Abū Thawr ialah Ibrāhīm ibn Khālid al-Kalbī, al-Baghdādī. Pada asalnya beliau bermazhab Hanafi. Setelah al-Imām al-Syāfi'i datang ke Baghdad, beliau mengikutnya dan membaca banyak kitab-kitab Syāfi'i. Beliau tergolong dalam salah seorang sahabat al-Imām al-Syāfi'i. Tetapi beliau tidak berpegang kepada mazhab al-Syāfi'i. Beliau mempunyai mazhabnya sendiri. Meninggal dalam tahun 240 hijrah. Lihat 'Abd al-Rahmān al-Asnawī (1987), *Tabaqāt al-Syāfi'iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 28.

diamanahkan kepadanya. Harta itu telah terlepas dari tanggungan orang yang berhutang dan masuk ke tangan *muḍārib* sama seperti harta *wadi'ah*.¹⁵¹

Ternyata dari hujah-hujah *fuqahā'* di atas bahawa pemilik modal yang membuat kontrak *mudārabah* dengan bermodalkan wang miliknya yang berada dalam tangan orang yang berhutang kepadanya adalah dianggap tidak sah. Manakala bermudārabah dengan cara meminta *muḍārib* memungut hutang pemilik modal di tangan orang ketiga yang berhutang kepadanya pula ada perbedaan pendapat di kalangan *fuqahā'* *Sunnī*, di mana *fuqahā'* Hanbali dan Hanafi mengharuskannya atas dasar bahawa si piutang telah melantik *muḍārib* memungut hutangnya, maka jadilah hutang itu harta tunai dan sah bermudārabah dengannya. Manakala al-Imām Mālik dan *fuqahā'* al-Syāfi'i melarangnya dengan alasan yang berbeza. Al-Imām Mālik memberi alasan bahawa cara yang demikian menambah bebanan kerja kepada 'āmil, manakala al-Syarbini al-Khatib daripada mazhab Syafi'i pula berpendapat bahawa kontrak sedemikian mengandungi *ta'sīq*, sedangkan *mudārabah* tidak sah dengan adanya *ta'sīq*.

c. Modal mesti diserahkan kepada *muḍārib*.

Oleh kerana *muḍārib* adalah pemegang amanah, maka tidak sah akad *mudārabah* melainkan dengan menyerahkan harta *mudārabah* kepadanya. Jika disyaratkan harta modal kekal di tangan pemilik modal, maka kontrak *mudārabah* itu menjadi batal. Majoriti *fuqahā'* *Sunnī* iaitu daripada *fuqahā'* Hanafi, Maliki dan Syafi'i mengenakan syarat bahawa untuk menjadikan sesuatu akad *mudārabah* itu sah, modal mestilah diserahkan kepada *muḍārib* sehingga ia dapat melaksanakan kerja memperniagakannya dengan melakukan aktiviti

¹⁵¹ Ibn al-Mundhir (1993), *op.cit.*, j. 2, h. 40.

menjual dan membeli bagi mempastikan keuntungan yang menjadi tujuan kepada akad *muḍārabah* itu tercapai.¹⁵² Ini tidak akan tercapai kecuali dengan keluarnya modal dari tangan pemilik modal dan masuk ke dalam kawalan *muḍārib*, kerana berlakunya akad *muḍārabah* adalah atas dasar modal di satu pihak dan kerja disatu pihak yang lain¹⁵³. Jika disyaratkan modal kekal di tangan pemiliknya, maka ia dianggap merosakkan *muḍārabah* kerana syarat yang demikian bertentangan dengan kehendak akad.¹⁵⁴

Manakala *fuqahā'* Hanbali tidak mensyaratkan bahawa modal *muḍārabah* mesti diserahkan kepada *muḍārib*. Mereka beranggapan bahawa adalah memadai dengan menyerahkan kuasa pengurusan projek atau kegiatan perniagaan yang menggunakan modal *muḍārabah* itu kepada *muḍārib*. Jika disyaratkan oleh pemilik modal bahawa harta modal itu mestilah kekal di tangannya atau diletakkan di bawah jagaan pemegang amanah tanpa diserahkan kepada *muḍārib*, kontrak *muḍārbah* berkenaan tetap dianggap sah. Ini kerana syarat tersebut tidak menghalang *muḍārib* daripada melaksanakan kerjanya yang merupakan tujuan kontrak dibuat. Manakala modal hanyalah merupakan perantaraan di mana ia boleh diserahkan secara beransur-ansur mengikut keperluan *muḍārib*.¹⁵⁵

2.1.5. Syarat untung

Keuntungan adalah natijah daripada pelaburan modal dan kejayaan usaha perniagaan, dan ia merupakan tambahan¹⁵⁶ dan penyelamat kepada modal dan menjadi hak bagi kedua pihak yang berakad, tiada pihak lain yang mempunyai

¹⁵² Lihat al-Kāṣāñi (t.t), *op.cit.*, j. 8, h.3599; al-Tanūkhī (t.t), *op.cit.*, j.5, h. 112; al-Khatīb (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 310.

¹⁵³ al-Zurqāñi (1979), *op.cit.* , j. 1, h. 348.

¹⁵⁴ al-Khatīb (t.t),*op.cit.*, h.311.

¹⁵⁵ Ibrāhīm Qudāmah (1981), *op.cit.* j. 5, h.29 .

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 57; Siddiqi (1985), *op.cit.* , h. 21.

bahagian di dalamnya. Menurut al-Nawawi, scorang ahli *fiqh* mazhab Syafi'i bahawa terdapat empat syarat mengenai keuntungan. Pertama, ianya mestilah dikhususkan kepada kedua belah pihak yang berkontrak. Jika disyaratkan ada bahagian keuntungan untuk pihak ketiga, maka kontrak *mudarabah* itu dikira tidak sah. Kedua, keuntungan *mudarabah* mesti dikongsi antara pemilik modal dan *mudarib*, bukan hanya untuk satu pihak sahaja di antara mereka. Ketiga, kadar bahagian masing-masing dalam keuntungan hendaklah diketahui. Jika pemilik modal barkata kepada *mudarib* ketika kontrak *mudarabah* dibuat "aku serahkan modal *mudarabah* kepada kamu dan keuntungannya adalah untuk kamu secara berkongsi" tidak sah kerana tidak jelas dari segi kadar dan dengan siapa perkongsian itu akan berlaku. Keempat, hendaklah agihan itu diambil dari bahagian harta dalam keuntungan, bukan berupa suatu jumlah wang yang ditentukan. Jika pemilik modal berkata kepada *mudarib* "untuk kamu 100 dirham daripada keuntungan dan bakinya untuk kita secara sama banyak". Cara ini merosakkan *mudarabah*.¹⁵⁷

al-Sarakhsī dan al-Kāsānī daripada mazhab Hanafi mensyaratkan supaya kadar keuntungan ditentukan kerana kontrak *mudarabah* dibuat atas perkongsian untung. Kejahilan tentang kadar keuntungan yang diperuntukkan kepada pihak-pihak yang berkontrak boleh merosakkan kontrak. Namun demikian jika pihak pemilik modal menyerahkan harta modal kepada *mudarib* dengan menyebutkan bahawa mereka akan berkongsi keuntungan tanpa menyebut kadar bahagian masing-masing adalah dikira sah dan keuntungan yang diperolehi akan dibahagi antara mereka secara sama banyak iaitu 1/2 bahagian bagi kedua belah pihak.¹⁵⁸

¹⁵⁷ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h.28; al-Nawawi , (1985), *op.cit.* , h. 122.

¹⁵⁸ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.* , h.24; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.* j. 8 , h. 3602.

Pandangan ini berasaskan kepada kemutlakan perkataan “antara” di mana ia membawa makna sama tara atau sama banyak. Dalilnya firman Allah:

وَتِبْيَّنُهُمْ أَنَّ الْمَاءَ قِسْمٌ بَيْنَهُمْ

.28 : (54) سُورَةُ الْقَمَر

Yang bermaksud : *Khabarkanlah kepada mereka, bahawa air terbahagi antara mereka (dan unta).*

al-Nawawi, ahli *fiqh* mazhab Syafi'i juga bersetuju dengan pandangan ini.¹⁵⁹ Menurut al-Kāsānī, dalam menentukan bahagian keuntungan untuk pemilik modal dan *muḍārib* mestilah ditetapkan kadarnya yang tertentu yang dimaklumi dengan cara yang mudah seperti satu perdua, satu pertiga atau satu perempat. Tidak boleh ditetapkan pada jumlah tertentu seperti seperti RM 1,000 untuk *muḍārib* dan selebihnya untuk pemilik modal. Cara ini tidak sah dan dengan sendirinya *muḍārabah* tersebut menjadi batal¹⁶⁰. Ini juga menjadi pegangan *fuqahā'* Maliki dan Syafi'i . al-Imām Mālik menyatakan bahawa jika seseorang menawarkan modal kepada seseorang yang lain secara *muḍārabah* dan menetapkan bahawa sebahagian dari keuntungan khusus untuk dirinya dan tidak disebutkan bahagian untuk *muḍārib*, maka perjanjian itu menjadi tidak sah. Satu-satunya cara membentuk kontrak yang sah ialah dengan menentukan satu perdua, satu pertiga atau satu perempat atau nisbah yang lebih kecil atau lebih besar daripada itu bagi dirinya, bakinya untuk *muḍārib*¹⁶¹.

¹⁵⁹ al-Nawawi, (1985), h.123.

¹⁶⁰ Lihat al-Kāsānī (t.t), *op.cit.* , h.3602.

¹⁶¹ al-Imām Mālik (t.t), *op.cit.*, h. 600.

al-Dardir, scorang ahli *fiqh* mazhab Maliki berpendapat bahawa dalam akad *mudārabah* wajib ditetapkan kadar keuntungan bagi *mudārib* satu penetapan kadar yang sama atau kadar yang tetap daripada jumlah keuntungan iaitu satu perempat atau satu perdua. Tidak dibiarkan tanpa penetapan kadar yang tertentu, sebagai agihan keuntungan daripada modal yang sama ditawarkan oleh pemilik modal dan bukan keuntungan dari modal lain. Tidak boleh dibuat dengan jumlah yang ditentukan, contohnya bahagian bagi *mudārib* adalah 10 dirham, tanpa mengira sama ada jumlah keuntungan itu besar atau kecil¹⁶². al-Nawawi daripada mazhab Syafi'i pula berpendapat bahawa apabila satu pihak menyediakan modal dan pihak lain menggunakanannya untuk perniagaan, maka dalam hal ini keuntungan hendaklah dikhususkan untuk mereka sahaja dan mereka membahagikannya. Bahagian bagi setiap pihak ditetapkan pada kadar tertentu daripada jumlah keseluruhannya. Jika sepuluh dirham telah ditentukan bagi satu pihak, atau jika keuntungan ditentukan baginya adalah daripada beberapa barang tertentu sahaja, maka perjanjian itu menjadi batal¹⁶³.

Kesimpulannya keseluruhan *fuqaha* mazhab *Sunnī* menghendaki supaya agihan keuntungan untuk kedua belah pihak yang berkotarakan dalam *mudārabah* ditentukan kadarnya semasa kontrak dibuat. Tidak boleh berlaku di mana salah satu pihak diberikan bahagian dalam bentuk penetapan jumlah tertentu untuknya daripada keuntungan yang diperolehi. Keuntungan juga adalah milik pihak yang berkontrak. Tidak boleh diperluaskan agihannya kepada pihak lain, yang tidak terlibat dalam kontrak berkenaan.

¹⁶² al-Dardir (1989) , *op.cit.* , j. 3, h. 682.

2.1.6. Syarat *sīghah*

Sīghah iaitu mana-mana lafaz atau perkataan yang yang menunjukkan kepada berlakunya akad *mudārabah* yang mengandungi pernyataan *iżāb* dan *qabūl*. Ia terlaksana dengan pencerahan harta oleh pemilik modal kepada *mudārib* di mana *mudārib* dapat bertindak menggunakan modal itu untuk diperniagakan. Kadar keuntungan untuk kedua belah pihak yang berkontrak hendaklah ditentukan sebelum kerja dilaksanakan. Sekiranya *sīghah* dalam sesuatu akad *mudārabah* itu menunjukkan kepada makna serta merta tanpa penyandaran kepada masa hadapan, tidak tergantung dan tidak bertempoh, maka ia diterima sebagai suatu akad yang sah oleh semua *fuqahā'*, kerana memang pada asalnya *mudārabah* adalah kontrak yang berkuatkuasa serta merta.¹⁶⁴ Jika berlaku sebaliknya, maka *fuqahā'* berbeza pendapat mengenainya. Pada pendapat *fuqahā'*:

Hanafi akad *mudārabah* yang berkuatkuasa pada masa hadapan, akad secara tergantung dan akad yang dibuat secara bertempoh adalah sah. Contoh akad *mudārabah* yang berkuat kuasa pada masa hadapan seperti pemodal serahkan wang kepada *mudārib* sebanyak RM1,000 sebagai modal *mudārabah* dan menetapkan keuntungan dibahagi dua dan operasi perniagaannya bermula awal tahun hadapan. Contoh akad *mudārabah* dengan *berta'fiq* (tergantung) seperti pemodal menetapkan jika *mudārib* bermusafir dia akan menyerahkan wangnya sebanyak RM1,000 sebagai modal *mudārabah* dan keuntungannya dibahagi dua antara mereka. *Fuqahā'* Hanafi berpendapat demikian dengan

¹⁶³ al-Nawawī, (1338 H), *op. cit.*, h. 74.

¹⁶⁴ Khūjah (1993), *op.cit.*, h.30.

alasan bahawa akad *mudārabah* menghasilkan kuasa melaksanakan *tasarruf*¹⁶⁵ kepada *mudārib*. Ini termasuklah kontrak yang berta'fiq dengan syarat tertentu, kontrak yang berkuatkuasa pada masa hadapan dan kontrak yang bertempoh. Hal ini samalah seperti perwakilan, *talāq*, pembebasan hamba dan keizinan kepada hamba untuk menjalankan perniagaan. Berbeza dengan akad yang membawa kesan kepada pemilikan seperti penjualan, pemberian, *sadaqah* dan pelepasan hutang, di mana akad jenis ini tidak boleh dibuat secara berta'fiq dan bertempoh¹⁶⁶.

Menurut al-Kāsānī yang mengakui keharusan *mudārabah* bertempoh bahawa *mudārabah* adalah kontrak perwakilan, sedangkan dalam akad perwakilan harus dibataskan dari masa ke masa. Tambahan pula *mudārabah* boleh membawa makna *wadi'ah* pada peringkat permulaannya, membawa makna perwakilan semasa kerja dilaksanakan dan membawa makna syarikat setelah keuntungan diperolehi dan juga membawa makna *ijārah* (kontrak upah) apabila berlaku *fasad* (rosak) ke atas kontrak berkenaan. Ketika itu *mudārib* berhak mendapat upah sebagai ganjaran kerjanya bukan lagi keuntungan¹⁶⁷. Dengan kedudukannya yang sedemikian, maka *mudārabah* boleh dibuat secara berta'fiq, berkuatkuasa pada masa hadapan atau bertempoh.

Dari kalangan *fugahā'* mazhab Hānbali pula, mengenai akad *mudārabah* secara tergantung dengan syarat, *mudārabah* yang akan berkuatkuasa pada masa hadapan dan *mudārabah* betempoh terbahagi kepada dua golongan. Satu

¹⁶⁵ *al-Tasarruf* ialah setiap perlakuan yang lahir daripada seseorang dengan kehendaknya, di mana perlakuan itu ada ketentuan hukum syari'ah mengenainya dari segi hak dan tanggungjawab. Tasarruf boleh berlaku dalam bentuk perkataan yang lahir daripada seseorang seperti perkataan yang berupa pernyataan untuk membeli, menjual, menyewa, bersyarikat, berwaqaf, berwasiat dan sebagainya; boleh juga berlaku dalam bentuk perbuatan seperti menjual, membeli, mengutip hutang dan sebagainya. Lihat Khūjah, (1993), *Ibid.*, h. 11.

¹⁶⁶ al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j 8, h. 3633.

¹⁶⁷ *Ibid.*, h. 3602.

golongan mengharuskannya, manakala yang satu lagi menganggapnya sebagai akad yang tidak sah. Yang mengatakan akad berbentuk demikian sebagai satu akad yang sah, antaranya al-Qādi Abū Ya'la. Beliau memberi alasan bahawa bentuk-bentuk akad yang sedemikian adalah menyamai akad perwakilan dan *adi'ah*, di mana kedua-dua jenis akad ini boleh dilakukan secara *berta'iq* dan boleh dilakukan dalam tempoh masa tertentu.¹⁶⁸ Oleh yang demikian, jika pemilik modal menyerahkan modal *mudārabah*nya kepada *mudārib* untuk diperniagakan dalam tempoh satu bulan dan setelah tempoh itu habis, *mudārib* tidak boleh membuat sebarang pembelian lagi dan harta yang ada di tangan *mudārib* menjadi *qard*. *Mudārib* dikhendaki menukarkan harta itu menjadi wang tunai, jika harta itu masih dalam bentuk barang. Dalam keadaan ini pemilik modal sudah mencapai tujuannya¹⁶⁹.

Golongan kedua pula dalam mazhab ini yang sepandapat dengan al-Imām al-Syāfi'i dan al-Imām Mālik, mereka menolak keharusan *mudārabah* secara bertempoh. Menurut pendapat mereka akad *mudārabah* mestilah berlaku secara mutlak. Apabila dikenakan syarat dengan menghadkan kepada masa tertentu, maka akad itu dikira tidak sah, sama seperti akad nikah. Oleh yang demikian jika pemilik modal mengenakan syarat tidak boleh menjual selepas tempoh masa setahun, maka syarat ini akan membahayakan *mudārib* kerana mungkin dia boleh memperoleh keuntungan pada baki harta dengan menjualnya selepas tempoh setahun tamat. Oleh kerana adanya penetapan tempoh setahun, maka dia

¹⁶⁸ al-Qādi Abū Ya'la (1985), *al-Masā'il al-Fiqhiyyah min Kitāb al-Riwāyatayn wa al-Wajhayn*, j.1, tah.: Duktūr 'Abd al-Karīm ibn Muḥammad, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, h. 394; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.* j. 5, h. 69; al-Bahūtī (t.t.), *op.cit.* , j. 3, h. 512.

¹⁶⁹ al-Bahūtī, *Ibid.*

terhalang daripada mendapatnya disebabkan oleh tamatnya tempoh masa yang ditentukan itu¹⁷⁰.

al-Imām Mālik berpendapat bahawa tidak harus akad *mudārabah* dibuat dengan berta'liq (tergantung), dengan kuatkuasanya berlaku pada masa hadapan dan akad yang bertempoh. Dalam *al-Muwatṭa'* beliau menyebut bahawa tidak patut berlaku pemilik modal mengenakan syarat kepada *mudārib* supaya tidak memulangkan modal kepadanya untuk beberapa tahun yang ditetapkan olehnya. Tidak boleh melakukan kontrak *mudārabah* dengan menetapkan tempoh masa dalam melakukan aktiviti perniagaan. Apa yang harus dilakukan ialah dengan pemilik modal menyerahkan modalnya kepada *mudārib* yang akan melakukan pekerjaan dengan modal itu. Jika salah seorang daripada mereka berhasrat untuk menarik diri dari kontarak berkenaan, dan pada masa itu harta *mudārabah* dalam bentuk wang tunai, maka *mudārib* tidak boleh membuat sebarang pembelian, dan pemilik modal hendaklah mengambil kembali modalnya. Jika pemilik modal ingin mengambil kembali modalnya, sedangkan *mudārib* telah membeli barang, dia tidak boleh berbuat demikian sehingga barang itu dijual untuk mendapatkan wang tunai. Demikian juga dengan *mudārib*, jika ia ingin memulangkan modal kepada pemiliknya, sedangkan harta modal masih dalam bentuk barang, dia tidak boleh berbuat demikian sehingga dia menjual barang itu dan memulangkan modal *mudārabah* dalam bentuk wang kepada pemilik modal sebagaimana ia mengambilnya¹⁷¹. Pembatasan waktu dalam *mudārabah* di sisi *fuqahā'* Maliki adalah merosakkan kontrak berkenaan seperti pemilik modal menyerahkan modalnya kepada *mudārib* supaya diperniagakan dalam musim haji atau perayaan. *Fuqahā'* Syafī'i

¹⁷⁰ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 70.

pula berpendapat tidak bolch disyaratkan penentuan tempoh masa *mudārabah*. Jika dalam akad itu disebutkan tempohnya seperti sebulan dan mclarang *muđūrib* berurus niaga selepasnya, maka ia dianggap *fūsid*. Jika ia mclarang membeli sahaja selepas tempoh itu dan sebaliknya membenarkan *muđūrib* menjualnya, maka cara ini tidak memfasadkan jualan¹⁷².

Ternyata *fuqahā'* tidak sepakat dalam kecharusan *mudārabah* yang berta'fiq, menyandarkan *mudārabah* ke masa hadapan dan *mudārabah* yang bertempoh. *Fuqahā'* Hanafi dan satu golongan daripada *fuqahā'* mazhab Hanbali mengharuskannya. Mazhab Maliki dan Syaf'i dan satu golongan *fuqahā'* dalam mazhab Hanbali tidak mengharuskannya, di mana mereka melarang kontrak *mudārabah* dengan cara demikian. Walaupun terdapat perbedaan pendapat sedemikian, tetapi majoriti *fuqahā'* dalam mazhab *Sunnī* selain daripada Hanbali mengakui bahawa *mudārabah* adalah suatu *rukhsah* disyari'atkan kerana keperluan manusia kepadanya. Pendapat pertama yang diwakili oleh *fuqahā'* Hanafi dan segolongan daripada *fuqahā'* Hanbali mengharuskan *mudārabah* secara demikian yang menggambarkan keinginan kedua belah pihak yang berkontrak, di mana *maṣlahah* kedua-dua belah pihak atau salah satu pihak daripadanya boleh diperolehi melalui penerimaan kontrak jenis tersebut. Larangan ke atas kontrak yang berbentuk demikian menyempitkan dan tidak seiring dengan *rukhsah* yang disyari'atkan untuk keperluan manusia.

¹⁷¹ al-Zurqānī (1979) , *op.cit.*, j.3, h. 351.